

STATISTIK KERATAN AKHBAR NOVEMBER 2023

BIL	TAJUK PERKARA	SUMBER/MUKA SURAT	TARIKH	BAHAGIAN/FAIL
1	AMBIL RASUAH BUKAN SEBAB GAJI KECIL	UTUSAN MALAYSIA MS 15	01-Nov-23	RENCANA
2	'KERJA SATU PASUKAN TINGKATKAN INTEGRITI PENJAWAT AWAM'	BERITA HARIAN MS 02	01-Nov-23	SEMASA
3	PEMERKASAAN MAHASISWA: RETORIK ATAU REALITI?	UTUSAN MALAYSIA MS 7	01-Nov-23	KPT
4	KPT PERLUAS POTENSI GAJI PREMIUM RM4000 UNTUK GRADUAN	HARIAN METRO MS 12	02-Nov-23	KPT
5	ANUGERAH INOVASI DAN PENGKOMERSIALAN PRODUK DALAM ANUGERAH AKADEMIK NEGARA KE 15 DORONG KEJAR KEJAYAAN	HARIAN METRO MS 13	02-Nov-23	KPT
6	MAJIKAN LIHAT DUA KEMAHIRAN UTAMA	SINAR HARIAN MS 03	02-Nov-23	KPT
7	UNIVERSITI AWAM DIMINTA PATUH HAD YURAN PENDAFTARAN RM1500	SINAR HARIAN MS 02	2/11/2023	KPT
8	KEBANYAKAN GRADUAN TAK PENUHI JANGKAAN MAJIKAN	BERITA HARIAN MS 22	03-Nov-23	KPT
9	SUMBANGAN BESAR PEMBANGUNAN PERUBATAN NEGARA, GLOBAL	SINAR HARIAN MS 13	03-Nov-23	KPT
10	KERJA SAMBILAN TIDAK SEKAT MAHASISWA CEMERLANG	BERITA HARIAN MS 22	06/11/2023	KPT
11	EKONOMI DIGITAL MEMACU KEMAKMURAN NEGARA	SINAR HARIAN MS 18	08-Nov-23	RENCANA
12	PENARAFAN UNIVERSITI: MAJIKAN TETAP UTAMAKAN KEMAHIRAN GRADUAN	UTUSAN MALAYSIA MS 04	20/11/2023	KPT
13	IPTA TIDAK PERLU TAKSUB KEJAR PENARAFAN - KPT	UTUSAN MALAYSIA MS 04	20/11/2023	KPT
14	TAMPIL YAKIN SEBAGAI PEMAIN BOLA JARING	SINAR HARIAN MS 20	20-Nov-23	RENCANA
15	'TIKAMAN LIDAH' LEBIH TAJAM DAN AMAT BAHAYA	HARIAN METRO MS 15	21/11/2023	AGAMA
16	SELANGOR PENERAJU TVET DI MALAYSIA	SINAR HARIAN MS 17	17-Nov-23	SEMASA
17	BUKA AIB ITU HARAM	UTUSAN MALAYSIA MS 27	22-Nov-23	AGAMA
18	TIBA MASA TAMATKAN POLEMIK RANKING	UTUSAN MALAYSIA MS 14	21/11/2023	KPT
19	TIADA KEPERLUAN JAWATANKUASA PANTAU SOKONGAN POLITIK PENJAWAT AWAM	BERITA HARIAN MS 09	28/11/2023	SEMASA
20	HUKUMAN DIBUANG KERJA ADALAH WAJAR'	BERITA HARIAN MS 20	28/11/2023	SEMASA

Ambil rasuah bukan sebab gaji kecil

MOHAMAD TARMIZE ABDUL MANAF



SALAH satu fraud terbesar dalam sektor kerajaan dan swasta adalah rasuah. Jenayah ini amat berbahaya kerana ia membuka jalan kepada berlakunya jenayah lain.

Sebagai contoh, penguat kuasa yang menerima rasuah dan melepaskan pengedar dadah menyebabkan najis dadah dapat dijual di pasaran gelap. Pistol yang dibawa masuk bermodalkan 'minyak pelincir' serendah RM50 diberikan kepada pegawai di sempadan mungkin mengakibatkan rompakan bersenjata hingga mengorbankan nyawa.

Dalam sektor pembinaan, rasuah menyebabkan sesebuah bangunan dibina tanpa mengikut spesifikasi ditetapkan. Akhirnya, mengakibatkan bangunan tersebut tidak selamat digunakan.

Mengapa rasuah berlaku? Gaji rendah sudah semestinya bukan faktor utama seseorang itu terlibat rasuah. Buktinya dapat dilihat melalui laporan media setiap hari. Penjenayah rasuah terdiri daripada pelbagai kumpulan masyarakat. Rata-ratanya mempunyai jawatan dan kedudukan tertentu dalam sektor kerajaan dan swasta.

MODEL FRAUD - SEGI TIGA DAN BERLIAN

Faktor yang mendorong seseorang terlibat jenayah kolar putih seperti fraud dan rasuah dijelaskan melalui Model Segitiga Fraud dan Model Berlian Fraud.

Model Segitiga Fraud (*Fraud Triangle*) dibangunkan pada 1953 oleh ahli kriminologi Amerika Syarikat, Dr. Donald R. Cressey. Menurut model ini, seorang manusia biasa akan terdorong melakukan fraud kerana mempunyai peluang, tekanan dan rasionalisasi (akal).

Pada 2004, Model Segitiga Fraud dikembangkan oleh Wolfe dan Hermanson dengan menambah satu lagi faktor, iaitu keupayaan individu terbabit. Model baharu ini dikenali sebagai Model Berlian



RASUAH tidak akan berlaku sekiranya pelaku tiada keupayaan untuk melakukannya. - UTUSAN/MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN

“Rata-ratanya mempunyai jawatan dan kedudukan tertentu dalam sektor kerajaan dan swasta.”

Fraud (*Fraud Diamond*).

EMPAT PUNCA BERLAKU RASUAH

Model Segitiga Fraud dan Model Berlian Fraud boleh digunakan untuk menjelaskan mengapa dan bagaimana seseorang terlibat dengan jenayah rasuah. Secara ringkasnya, faktor yang mendorong seseorang terjebak dengan rasuah adalah seperti berikut:

Faktor pertama adalah 'kemampuan' untuk melakukan rasuah. Dengan kata lain, rasuah tidak akan berlaku sekiranya pelaku tiada keupayaan untuk melakukannya. Kemampuan wujud apabila seseorang

mempunyai kedudukan dan kuasa dalam organisasi; mempunyai pengetahuan untuk memanipulasi proses kerja; memiliki keyakinan bahawa perbuatannya tidak akan dikesan atau ditangkap; dan keupayaan untuk mengatasi kerisauan akibat tindakan salah yang dilakukan.

Faktor kedua adalah 'peluang' yang ada di depan mata. Seseorang cenderung melakukan rasuah apabila dia melihat jalan untuk melakukannya dengan risiko rendah untuk ditangkap. Peluang wujud kerana kelemahan kawalan dalaman, kerehian birokrasi, tiada pemantauan, tiada sistem pengasingan tugas, dan penggunaan budi bicara yang luas. Contohnya, prosedur permohonan yang mempunyai banyak lapisan (birokrasi atau *red tape*) sebelum diluluskan menyebabkan urusan menjadi lambat.

Keadaan itu membuka peluang kepada pelanggan yang ingin cepat untuk menawarkan rasuah. Begitu juga sekiranya prosedur terlalu kompleks, menyebabkan ada pegawainya

menawarkan 'bantuan' untuk memudahkan proses dengan bayaran tertentu.

Faktor ketiga adalah 'tekanan', sama ada tekanan kewangan atau tekanan kerja. Contoh tekanan kewangan adalah masalah hutang dan tunggakan bil yang tidak mampu diselesaikan. Masalah kewangan boleh terjadi akibat tindakan seseorang mengamalkan gaya hidup mewah, terlibat dengan ketagihan dadah, alkohol dan perjudi. Mungkin juga disebabkan kenaikan kos sara hidup terutama bagi mereka yang mempunyai isteri dan anak ramai.

Tekanan kerja pula boleh berlaku apabila seseorang beranggapan kerja yang dibuat tidak setimpal dengan gaji. Ataupun tidak setimpal dengan penilaian diberi oleh pegawai atasan.

Dalam dunia perniagaan yang penuh dengan persaingan, rasuah digunakan untuk memastikan sesuatu projek atau tender berjaya diperoleh. Rasuah dilakukan bukan untuk kepentingan peribadi, tetapi desakan bagi meneruskan kelangsungan sesebuah syarikat.

Faktor keempat adalah

'rasionalisasi' terhadap perbuatan mereka. Orang yang melakukan rasuah tidak melihat diri mereka sebagai penjenayah. Sebaliknya merasakan mereka adalah orang biasa yang jujur tetapi terperangkap dalam keadaan yang salah. Mereka mewajarkan perbuatan salah dengan alasan yang kelihatan logik (rasional).

Contoh rasionalisasi yang biasa adalah, "Ini bukan salah saya. Saya tiada pilihan. Tuhan pasti akan mengampunkan saya"; "Semua orang buat benda ni"; "Orang nak bagi, ambil sajalah. Bukan saya minta pun"; "Bos pun ambil rasuah. Takkan saya tak boleh?"; "Bukan duit dia pun. Dia akan *claim* daripada syarikatnya"; "Kalau saya tak ambil, orang lain akan ambil"; "Dia untung, saya pun untung. Apa masalahnya?" dan "Saya buat kerana terdesak. Saya kena bantu keluarga saya yang miskin."

LANGKAH PENCEGAHAN RASUAH

Memahami faktor-faktor pendorong ini membolehkan seseorang melaksanakan langkah pencegahan secara sendiri. Mengelakkan diri daripada terjebak dalam jenayah merupakan komitmen diri sendiri, disokong dengan tadbir urus baik dalam organisasi. Rakan-rakan yang saling menasihati amat membantu, terutama ketika berada dalam dilema.

Pada masa sama, seseorang mesti menguruskan tekanan kerja dan kewangan dengan baik. Majikan dan organisasi pula berperanan dalam mengukuhkan sistem dan prosedur kerja agar peluang untuk rasuah berlaku dapat ditutup. Pekerja mesti diingatkan agar tidak menggunakan rasuah untuk melicinkan sesuatu urusan. Majikan juga perlu sentiasa mendidik pekerja agar menolak sebarang pemikiran merasionalisasikan tindakan jenayah yang mereka lakukan.

Akhir sekali, benteng pencegahan terakhir adalah integriti diri seseorang. Harus diingat, tiada yang dapat mengubah diri kita kecuali kita sendiri.

PENULIS ialah Pengarah Bahagian Pemantauan & Penyelarasan, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Rabu, 1 November 2023 BH



Mohd Zuki (tengah), Zulkapli (dua dari kanan) Nor Yahati (dua dari kiri) dan Wan Suraya bersama penjawat awam pada Majlis Sambutan Bulan Integriti Nasional 2023 di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Genes Gulitah/BH)

'Kerja satu pasukan tingkatkan integriti penjawat awam'

Sasaran di tangga 25 dalam CPI mampu dicapai jika semua bergerak sebagai entiti utuh

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Kuala Lumpur: Sasaran negara untuk berada pada kedudukan 25 terbaik dunia dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) dalam tempoh 10 tahun mampu dicapai jika semua penjawat awam bergerak sebagai entiti utuh.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali, berkata semua penjawat awam harus berusaha sebagai satu pasukan untuk memastikan isu tata kelola dan integriti dapat diperbaiki dari semasa ke semasa selari hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan gagasan Malaysia MADANI.

Mereka juga diingatkan agar tidak silo, yang membawa maksud bekerja secara sambil lewa, enggan memberikan kerjasama kepada pasukan dan mempamerkan kualiti kerja kurang memuaskan, dalam melaksanakan strategi yang diatur.

Mohd Zuki yakin berdasarkan usaha dilaksanakan kerajaan ketika ini, kedudukan negara yang kini berada pada tangga ke-61 dalam CPI 2022 dapat diperbaiki.

"CPI ini lebih kepada persepsi masyarakat luar yang berurusan dengan kita. Yang paling mustahak ialah kita membuktikan kerajaan bersungguh-sungguh memastikan bahawa CPI dapat kita turunkan," katanya.

Beliau yang juga Pengerusi Institut Integriti Malaysia (IIM) berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Sambutan Bulan Integriti Nasional 2023 bertemakan 'Integriti Citra Malaysia MADANI', di sini semalam.

Komitmen banteras rasuah

Tambahnya, Kerajaan MADANI komited membanteras rasuah dan meningkatkan integriti serta tata kelola baik dan ia terbukti apabila Perdana Menteri menetapkan tujuh penanda aras sebagai sasaran jangka sederhana yang mahu dicapai dalam tempoh 10 tahun.

"Saya yakin, kita semua berupaya untuk mencapai hasrat ini dengan syarat semua pihak berganding bahu, bekerjasama sebagai satu entiti yang utuh dan tidak silo dalam melaksanakan strategi yang diatur," katanya.

Menurut laporan Transparency International (TI), Malaysia berada pada kedudukan ke-61 dalam CPI 2022 daripada keseluruhan 180 negara berbanding ke-62 pada 2021.

Terdahulu dalam ucapannya, Mohd Zuki menasihatkan penjawat awam supaya berfikir panjang jika berdepan situasi yang mencabar integriti dalam melaksanakan tugas, terutama berkait rasuah.

"Kenalah fikir panjang dan

jauh sedikit," katanya memberi contoh dua anggota polis di Rompin, Pahang yang tekad menolak rasuah walaupun dijanjikan habuan RM500,000 sehingga membawa kepada tumpas sindiket dadah paling dikehendaki pada 2009.

Katanya, sikap sedemikian perlu diambil sebagai pengajaran oleh anggota perkhidmatan awam untuk sentiasa kekal berintegriti.

"Apabila ditanya pemberita apakah yang mendorong mereka untuk tekad menolak rasuah, mereka menjawab: "Kami fikir panjang dan jauh sedikit sebelum melakukan sesuatu yang salah kerana kami nak bekerja lama dalam pasukan sehingga tamat perkhidmatan."

"Walaupun tiada siapa nampak perbuatan kita, Allah SWT sentiasa Maha Melihat. Jika kita senang dengan hasil perbuatan salah, ia tidak ada keberkatan dan akhirnya akan beri impak buruk kepada kehidupan atau mungkin keturunan kita," katanya.

Sementara itu, beliau menjelaskan, sambutan Bulan Integriti Nasional adalah manifestasi untuk menzahirkan komitmen kerajaan dalam membudayakan integriti dan tata kelola, bukan sahaja di sektor awam, malah merangkumi sektor korporat dan masyarakat keseluruhan.

Yang turut hadir pada majlis pelancaran program berkenaan, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Dr Zulkapli Mohamed; Ketua Audit Negara, Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi dan Ketua Pegawai Eksekutif IIM, Datuk Nor Yahati Awang.

Dalam Negeri

Penambahbaikan sektor pendidikan tinggi

Pemeriksaan mahasiswa: Retorik atau realiti?

Oleh PROF. MADYA DR.
MOHD SUZEREN MD JAMIL
Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

DATO' Seri Mohamed Khaled Nordin, Menteri Pendidikan Tinggi (KPT) telah mengemukakan bahawa Pemeriksaan Mahasiswa merupakan antara 'Sasaran Impak Utama' daripada cadangan penambahbaikan sektor pendidikan tinggi negara melalui ucapan beliau pada majlis penutupan Hari Terbuka Pendidikan Tinggi Negara.

Naratif Pemeriksaan Mahasiswa ini dilihat selari dengan halatuju baharu KPT, dan sejajar dengan naratif 'perubahan' yang dibawa oleh kepimpinan pelajar.


Namun, masih banyak juga persoalan yang dilemparkan khususnya oleh kepimpinan pelajar. Antaranya, Pemeriksaan Mahasiswa yang macam mana yang hendak dibawa? Adakah agenda ini selari dengan perubahan yang diinginkan kepimpinan pelajar? Bagaimana hendak dipastikan agenda pemeriksaan ini dapat dilaksanakan di peringkat Institusi Pendidikan Tinggi? Perluah untuk dipinda Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 dalam pelaksanaan ini?

Sebelum membicarakan berkenaan pengisian atau perubahan yang hendak dibawa dalam pemeriksaan mahasiswa, bagus juga kalau kita dapat memahami dahulu sejarah perjuangan 'politik kampus' atau 'student power' yang sering dilancarkan oleh kepimpinan pelajar.

Merasai pengalaman belajar di universiti awam (UA), berada dalam kepimpinan pelajar dan seterusnya terlibat sebagai warga pentabiran di kolej kemudian dan Pusat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) di UA, saya sempat melihat perubahan 'suara mahasiswa' yang berbeza dan berubah mengikut cabaran, halangan dan dasar kerajaan. Sekumpulan kepimpinan pelajar pada waktu tersebut melaungkan naratif 'kebebasan berpolitik' yang diikat oleh AUKU.

Menariknya, Mohamed Khaled yang memimpin KPT pada waktu tersebut, memahami hasrat kepimpinan pelajar dan telah membuat pindaan AUKU pada tahun 2012 atas semangat demokrasi progresif.

Pindaan ini membenarkan mahasiswa terlibat dalam apa juga persatuan, badan atau kumpulan



MOHAMED KHALED NORDIN

termasuk parti politik ketika di luar kampus. Sejarah dengan perubahan masa, kebebasan berpolitik di dalam kampus pula kemudiannya dibenarkan membolehkan Pindaan pemansuhan Seksyen 15(2) (c) AUKU. Turut dibuat pindaan terhadap Seksyen 47(2)(C) Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Akta 555] dan Seksyen 10 (2) (C) Akta Institusi Pendidikan Tinggi (Tatatertib) 1976 [Akta 174] yang terpakai kepada Universiti Teknologi MARA (UiTM), Politeknik, Kolej Komuniti dan Institut Perguruan.

Melompat terus ke tahun 2022, kepimpinan KPT kini sekali lagi diletakkan di bawah kepimpinan Mohamed Khaled. Pada peringkat awal kepimpinan beliau, KPT melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) seringkali mengadakan libat uris dengan semua pemegang taruh khususnya kepimpinan pelajar. Pelbagai input perbincangan seperti penyelesaian terhadap isu kesukaran mendapatkan kelulusan untuk mengadakan aktiviti, sekatan atau ketiadaan atau ketidakcukupan kewangan untuk menjalankan aktiviti, sekatan berpolitik atau ketidakbebasan kepimpinan pelajar oleh AUKU sehingga terdapat juga segelintir yang mahukan AUKU ditiadakan. Kesemua input ini pastinya dianalisis dengan sedalamnya di mana sebahagian isu yang dibawa perlukan kepada tindakan dan penyelarasan dan sebahagiannya pula memerlukan penerangan untuk penjelasan yang betul.

Bertitik tolak daripada ini, perancangan dan tindakan dalam bentuk naratif 'Pemeriksaan Mahasiswa' kini diolah dan dibawa dalam konsep yang lebih menyeluruh. Bukan sekadar meminda AUKU tetapi turut melihat kepada pelaksanaan, penyeragaman dan perubahan dasar di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT). Intipati pemeriksaan mahasiswa ini

telah diumumkan oleh Menteri Pendidikan Tinggi dalam Perutusan Tahun Baharu 2023.

Sekretariat HEPA UA semesti ditugaskan untuk memastikan agenda pemeriksaan mahasiswa ini dapat dilaksanakan. Perubahan yang hendak dibawa kali ini adalah menyeluruh yang merangkumi beberapa fasa tindakan.

Gerak kerja awal (fasa 1) untuk pemeriksaan mahasiswa telah pun digerakkan. Fasa 1 ini merangkumi 4 tiang perubahan utama melibatkan autonomi pengurusan aktiviti pelajar, autonomi pengurusan kewangan pelajar, panduan pelajar berpolitik di dalam dan luar kampus serta pengurusan pemilihan.

Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UA dilaksanakan sepenuhnya oleh pelajar Campus Election Committee (CEC). Mengambil Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sebagai contoh, Kesatuan Mahasiswa UKM (KMUKM) mempunyai kebebasan pengurusan program dan aktiviti sepenuhnya (dengan mematuhi peraturan universiti) serta menyelenggarakan kewangan aktiviti pelajar sepenuhnya berjumlah lebih RM1 juta bagi setiap sesi pengajian.

Kebebasan berprogram dan pengurusan autonomi kewangan dengan jumlah yang besar ini mungkin menjadi suatu yang hanya diidamkan oleh pengurusan kepimpinan pelajar yang terdahulu. Panduan pelajar berpolitik dirangka untuk memberikan lebih kefahaman dengan pelajar tidak lagi perlu mempunyai kesusahan dengan kebebasan berpolitik yang telah diberikan di dalam dan di luar

kampus. Dalam menyuburkan lagi konsep demokrasi di UA, proses pemilihan MPP kini diruskan sendiri oleh kepimpinan pelajar.

Bermula dengan beberapa universiti yang mula melaksanakan perkara ini pada awal tahun 2023, kini kesemua UA telah memastikan keempat-empat agenda pemeriksaan mahasiswa ini dilaksanakan bagi fasa yang pertama. KPT semestinya akan memastikan proses 'menghakupayakan' mahasiswa ini dapat dilaksanakan segera. Sedikit persepsi atau salah faham yang mungkin dulu kedengaran berkenaan pelajar disekat dalam konteks pengurusan program/aktiviti atau sekatan kewangan, atau ditekan untuk tidak boleh terlibat dalam politik, atau ketidakadilan dalam pemilihan MPP kini dapat dipastikan dibuang jauh-jauh.

Pelajar diberikan autonomi dan kebebasan untuk berkarya, mengasah idea serta kreativiti dan menyuburkan demokrasi seterusnya menyumbang kepada pembinaan karakter pelajar yang holistik yang diperlukan oleh masyarakat, industri dan negara.

Universiti melalui Pusat HEPA semestinya menjadi mentee kepada kepimpinan pelajar dalam membantu, membimbing, memudah cara dan menyokong pelajar bagi memahami pelbagai proses dan tata kelola berkait seperti tatacara kewangan dan sentiasa berintegriti dengan berpegang kepada adat dan adat dalam memacu agenda pemeriksaan mahasiswa ini.

Semestinya KPT dan HEPA IPT tidak berhenti di situ sahaja. Libat uris bersama kepimpinan pelajar juga badan bukan kerajaan (NGO) kepimpinan pelajar secara berterusan, fasa seterusnya perlu untuk melihat pula ruang lain penambahbaikan dalam pemeriksaan mahasiswa.

Melalui kepimpinan Mohamed Khaled, KPT sentiasa terbuka dan mendengar hasrat kepimpinan mahasiswa yang berkehendakkan menguruskan kewangan sendiri untuk sumber kewangan luar. KPT sedang meneliti pindaan dua peruntukan Seksyen 15 (A) dan 48(11) di bawah AUKU 1971 berkaitan kutipan dana kewangan dan urusan kewangan dana (luar).

Tambahan lagi, dalam konteks keusahawanan pelajar, KPT juga melalui UA akan merangka dasar baharu yang difokuskan bagi 'menghakupayakan' mahasiswa untuk mengurus ruang dan entiti perniagaan serta pengurusan 'Koperasi siswa' dengan pemantauan dan bimbingan pusat keusahawanan universiti. Ruang untuk pemeriksaan dalam menguruskan ruangan, fasiliti, bangunan kesatuan dan kemudahan juga turut dilihat dan dikaji untuk sekali lagi memberi lebih autonomi terhadap pengurusan kesatuan pelajar.

Sinergi KPT melalui BHEP bersama kepimpinan pelajar dilihat berada dalam landasan yang betul. Kini kepimpinan pelajar bukan lagi sebagai 'suara luar' tetapi diangkat untuk bersama-sama dalam merangka perbincangan dan pelaksanaan.

Keterbukaan KPT dan kerajaan adalah suatu yang positif. Saya pasti akan ada lebih banyak pengumuman baharu oleh pihak KPT nanti berkenaan 'pemeriksaan mahasiswa' dan saya mengharapkan kepimpinan mahasiswa, Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan (MPPK) serta NGO kepimpinan untuk terus mengadakan perbincangan dan perundingan secara matang dan terus mengangkat ruang 'menghakupayakan' mahasiswa mengikut acuan bangsa dan negara kita sendiri.

Sekali lagi, pemakluman oleh Mohamed Khaled yang meletakkan Pemeriksaan Mahasiswa antara 'Sasaran Impak Utama' bagi cadangan penambahbaikan sektor pendidikan tinggi negara adalah langkah yang tepat.



AGENDA pemeriksaan mahasiswa terus menjadi perbincangan dalam kepimpinan pelajar universiti terutama tentang hala tuju dan mekanisme pelaksanaannya.

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: KPT PERLUAS POTENSI GAJI PREMIUM RM4000 UNTUK GRADUAN

SUMBER: HARIAN METRO MUKA SURAT : 12

TARIKH : 02/11/2023



MOHAMED Khaled (tengah) pada Majlis Perasmian Persidangan Pasaran Kerja Graduan PPKG 2023 di Kuala Lumpur. - Gambar NSTP/EIZAIRI SHAMSUDIN

Kuala Lumpur: Kerajaan sedang bekerjasama dengan beberapa industri utama negara untuk mendapatkan potensi penawaran gaji premium melebihi RM4,000 kepada graduan baharu lepasan institusi pengajian tinggi (IPT).

Antara industri yang sedang diteliti adalah dalam seperti sektor halal, kewangan dan perbankan, pengangkutan dan audit standard.

Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, ia susulan kejayaan projek perintis gaji premium membabitkan sektor elektrik dan kejuruteraan membabitkan bebe-

KPT perluas potensi gaji premium RM4,000 untuk graduan

rapa universiti seperti Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Katanya, projek perintis ini berjaya apabila melahirkan 40 graduan yang memperoleh gaji premium atau RM4,000.

"Kami sudah melakukan projek rintis dan lebih 40 (graduan) keluar (tamat pengajian) mendapat gaji RM4,000. Ketika ini, ada 70 orang menjalani latihan, tetapi keperluan akan melebihi 800 pada setiap tahun.

"Sekarang beberapa universiti juga sudah mencapai beberapa angka, difahamkan UTM sudah mencapai hampir 30 peratus dan bakal disusuli universiti lain. Kami sedang menambah baik usaha ini," katanya pada Persidangan Pasaran Kerja Graduan (PPKG) 2023, di sini, semalam. Turut

hadir Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Mohammad Yusof Apdal, Pemangku Ketua Setiausaha KPT Datuk Dr Megat Sany Megat Ahmad Supian, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pemba-
ngunan) Datuk Dr Mohd Zabri Yusoff dan Naib Canselor Universiti Putra

Malaysia (UPM) Datuk Prof Dr Ahmad Farhan Mohd Sallah.

Mohamed Khaled berka-

ta, sasaran KPT hari ini bukan lagi mahu menambah bilangan kebolehpasaran bakal tenaga kerja, tetapi menyasarkan peningkatan peratusan graduan memperoleh gaji premium atau RM4,000.

"Kami sedar ia tidak berlaku secara automatik kerana banyak lagi yang perlu dilakukan dan kami tidak boleh elak untuk memastikan ia tercapai, kami mesti menjalinkan kerjasama pihak industri," katanya.

Lebih 40 (graduan) keluar (tamat pengajian) didapati dapat gaji RM4,000



MOHAMED Khaled (tengah) bergambar bersama penerima anugerah pada majlis Anugerah Akademik Negara Ke-15. Turut hadir, Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Mohammad Yusoff Apdal (lima dari kiri), Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan Dan Pembangunan), Datuk Dr Mohd Zabri Yusoff (empat dari kanan) dan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Prof Dr Azlinda Azman (empat dari kiri). - Gambar NSTP/ASYRAF HAMZAH

ANUGERAH INOVASI DAN PENGKOMERSIALAN PRODUK DALAM ANUGERAH AKADEMIK NEGARA KE-15

Oleh Nurul Hidayah Bahaudin
nurul.hidayah@hmetro.com.my

Dorong kejar kejayaan

Kuala Lumpur

"Saya terkejut apabila diumumkan sebagai pemenang kerana ada banyak penyertaan daripada ahli akademik yang sangat menyerlah kali ini," kata TS Dr Mariani Abdul Hamid.

Beliau yang juga Pensyarah Kanan di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dinobatkan sebagai pemenang Anugerah Inovasi dan Pengkomersialan Produk dalam Anugerah Akademik Negara Ke-15 (AAN15) yang berlangsung di ibu negara, kelmarin.

Mariani berkata, beliau bersama empat lagi ahli pasukannya sudah menghasilkan produk kecantikan Dermags Intensive Brightening Serum yang sudah berada di pasaran sejak lapan tahun lalu.

"Alhamdulillah, saya rasa bersyukur dan terkejut pada masa sama kerana ada ramai ahli akademik yang sangat menyerlah menyertai anugerah ini.

"Namun, saya anggap penganugerahan ini adalah satu rezeki memandangkan kemenangan ini membawa impak besar kepada pasukan kami," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Majlis AAN15 di sebuah hotel di ibu negara, kelmarin, yang turut dihadiri Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

Menurutnya, AAN adalah anugerah yang berprestij yang bukan mudah untuk dimenangi, sekali gus menjadi suntikan semangat mencapai lebih banyak kejayaan pada masa hadapan.

"Anugerah ini amat berprestij dan bukannya calang-calang orang boleh memilikinya. Apabila memenangnya, ia memberi suntikan semangat dan menjadi faktor pendorong untuk mengejar kejayaan.

"Justeru, saya harap anugerah ini dapat

menjadi batu loncatan kepada ahli akademik yang lain untuk mencapai kejayaan dalam bidang masing-masing, sekali gus terus maju ke hadapan," katanya.

Katanya, setiap pulangan diperolehi daripada produk yang dipasarkan memberi pulangan semula kepada masyarakat terutama komuniti universiti sama ada tenaga pengajar mahupun penuntut.

"Pulangan yang diberikan kepada universiti adalah dalam pelbagai bentuk termasuk digunakan oleh pensyarah lain untuk

membuat kajian.

"Selain itu, ia juga digunakan untuk membantu penuntut yang tidak berkemampuan, membiayai program penuntut serta lain-lain," katanya.

Sementara itu, Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Prof Dr Azlinda Azman berkata, penyertaan bagi setiap kategori dipertandingkan dalam AAN meningkat setiap tahun.

"Kita buka penyertaan kepada semua jenis Institut Pendidikan Tinggi (IPT) sama ada awam ma-

hupun swasta yang mana sesiapa sahaja boleh bersaing.

"Ada banyak pencalonan yang kami terima yang menyaksikan peningkatan pada saban tahun dalam setiap kategori dengan kategori Anugerah Penerbitan Makalah Jurnal menerima penyertaan tertinggi," katanya.

Azlinda berkata, pemenang bagi setiap kategori dipilih menerusi proses pemilihan yang ketat dan telus oleh jawatankuasa terdiri daripada pakar berkredibiliti.

"Pada tahun ini, ada juga kategori yang tiada pemenang seperti Anugerah Akademik Harapan meskipun ada calon yang dikedudukan kerana dilihat tidak ada yang mencapai standard ditetapkan.

"Apa yang kita mahukan adalah ahli akademik ini menyumbang semula kepada masyarakat selaras dengan aspirasi Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) memandangkan mereka adalah pakar dalam bidang masing-masing," katanya.

Dalam AAN15, Pakar Penyakit Berjangkit Negara, Profesor Datuk Dr Adeeba Kamarulzaman dinobatkan sebagai Tokoh Akademik Negara.

Selain Mariani, dua lagi ahli akademik dari UTM dinobatkan sebagai pemenang iaitu Prof Madya Dr Adibah Abdul Latif dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang memenangi Anugerah Pengajaran Kelompok Sastera Guanaan dan Sains Sosial Guanaan.

Sementara itu, Anugerah Pengajaran Kelompok Sains Guanaan pula dimenangi Dr Norliza Mohd Isa dari universiti sama.

Bagi Anugerah Penerbitan Makalah Jurnal untuk kategori Bidang Sains dimenangi Prof Madya Dr Tan Jun Jie dari Universiti Sains Malaysia (USM).

Anugerah Penerbitan Buku pula dimenangi Prof Dr Shamsul Bahri Abdul Razak dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

Penerima Anugerah Tokoh Akademik Negara menerima hadiah wang tunai RM200,000, trofi dan sijil, manakala penerima kategori lain pula menerima wang tunai RM50,000, trofi dan sijil.



MARIANI bawa pulang wang tunai RM50,000, trofi dan sijil.

Majikan lihat dua kemahiran utama

Lebih cenderung
pilih graduan
yang mempunyai
kemahiran teknikal
dan insaniah

Oleh **RAIHAM MOHD
SANUSI**
SHAH ALAM



Ketidaktentuan ekonomi masa kini juga memerlukan pekerja yang 'multitasking' iaitu mampu melakukan lebih daripada satu tugas. - Gambar hiasan

Graduan institusi pengajian tinggi perlu memiliki kemahiran teknikal dan insaniah bagi membolehkan mereka menerima tawaran bekerja, lebih-lebih lagi pada gaji permulaan yang tinggi.

Presiden Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF), Datuk Dr Syed Hussain Syed Husman berkata, majikan biasanya mencari graduan yang memiliki kedua-dua kemahiran utama tersebut.

"Selain kemahiran yang relevan dengan fungsi pekerjaan, graduan hendaklah melengkapkan diri dengan kemahiran insaniah yang penting seperti pengurusan masa, kemahiran organisasi, kemahiran komunikasi lisan dan bertulis terutama dalam bahasa Inggeris serta kerja berpasukan yang cemerlang.

"Kemahiran penyelesaian masalah yang kreatif, pemikiran kritis dan analitikal serta kebolehsuaian juga menjadi antara kemahiran penting yang majikan harapkan daripada graduan ba-

GRADUAN GAJI PREMIUM

haru," katanya kepada *Sinar Harian* pada Rabu.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai sasaran Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) untuk meningkatkan peratusan graduan memperoleh gaji premium sebanyak RM4,000.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, pihaknya melaksanakan projek perintis gaji premium selepas berjaya melahirkan 40 graduan jurusan elektrik dan kejuruteraan yang memperoleh pendapatan premium.

Sementara itu, Syed Hussain menegaskan, majikan turut mencari graduan yang boleh terus menyumbang kepada pertumbuhan syarikat.

"Ketika alam pekerjaan ber-

gerak pantas ke arah Revolusi Industri (IR) 4.0 dan teknologi kecerdasan buatan (AI), universiti hendaklah menerima pakai kaedah pengajaran yang lebih praktikal supaya pelajar bersedia menghadapi dunia pekerjaan dan memenuhi keperluan kemahiran yang sentiasa berubah," ujar beliau.



SYED HUSSAIN

an kemas, menyalir rambut dengan rapi dan memakai bawahan yang menenangkan.

"Ciri ini adalah penting ter-

KADAR GAJI MENGIKUT SEKTOR DAN PENGALAMAN


1) Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik
Gaji permulaan: RM2,500
Pengalaman 4-7 tahun: RM4,100 - RM6,100

2) Sektor Logistik dan Pengangkutan
Gaji permulaan: RM1,500
Pengalaman 4-7 tahun: RM3,000 - RM5,000

3) Sektor Kewangan dan Perbankan
Gaji permulaan: RM1,800
Pengalaman 4-7 tahun: RM2,500 - RM5,000

4) Sektor Halal
Gaji permulaan: RM2,000
Pengalaman 4-7 tahun: RM3,000 - RM4,500

5) Sektor Audit
Gaji permulaan: RM2,500
Pengalaman 4-7 tahun: RM3,500 - RM5,000



utamanya dalam bidang yang memerlukan pekerja menjadi wakil kepada majikan. Pelanggan yang berurusan akan tertarik dengan nilai yang ditunjukkan oleh pekerja," tambah beliau.

Selain itu, katanya, majikan memerlukan pekerja yang jujur dalam menjalankan tugas, pandai mengutarakan pendapat termasuk apabila berlaku perselisihan serta bijak mendengar dan memerhati apa yang di-

kehendaki oleh majikan.

"Ketidaktentuan ekonomi masa kini juga memerlukan pekerja yang multitasking iaitu pekerja yang mampu membuat dua atau lebih tugas.

"Oleh itu, kemahiran menguruskan tugas dan perkara-perkara lain berkaitan pekerjaan adalah penting supaya majikan tidak perlu meluangkan tenaga dan masa melatih pekerja untuk cekap mengurus," jelasnya.

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON
TAJUK: UNIVERSITI AWAM DIMINTA PATUH HAD YURAN PENDAFTARAN
RM1500

SUMBER: SINAR HARIAN MUKA SURAT : 02

TARIKH : 02/11/2023

Universiti awam diminta patuh had yuran pendaftaran RM1,500

KUALA LUMPUR - Universiti awam di negara ini diminta mematuhi ketetapan kerajaan untuk mengehadkan yuran pendaftaran masuk ke universiti awam tidak melebihi RM1,500 bermula Januari 2024.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri

Mohamed Khaled Nordin berkata, sekiranya terdapat pihak universiti yang melanggar arahan berkenaan, Kementerian itu akan mengambil tindakan sewajarnya.

"Bagaimanapun saya percaya apabila ada arahan dan keputusan jelas, universiti tidak akan melanggar arahan tersebut. (Kalau langgar) tunggu

kementerian datang," kata beliau dalam sidang akhbar selepas merasmikan Persidangan Pasaran Kerja Graduan (PPKG) anjuran KPT dan Universiti Putra Malaysia (UPM).

Dalam Belanjawan 2024, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan bermula Januari tahun depan

yuran bagi tujuan pendaftaran masuk ke universiti awam dihadkan tidak melebihi RM1,500.

Beliau berkata, langkah itu selari dengan nilai pemberian Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP) oleh PTPTN berjumlah RM1,500 kepada semua bakal pelajar baharu yang layak. - *Bernama*

Kebanyakan graduan tak penuhi jangkaan majikan

Bakal pekerja perlu kemahiran untuk dapat RM4,000 sebulan

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
nooratigah.sulaiman@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kebanyakan graduan masih belum memenuhi jangkaan keperluan majikan di negara ini untuk mendapat gaji sekurang-kurangnya RM4,000 atau gaji premium sebulan.

Presiden Persatuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF), Datuk Dr Syed Hussain Syed Husman, berkata tiada halangan untuk majikan memberikan lingkungan gaji berkenaan, namun graduan mestilah memenuhi ciri diinginkan seperti mempunyai kemahiran teknikal dan insaniah.

Katanya, walaupun pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan mungkin berbeza antara pekerjaan, majikan umumnya ingin mencari kedua-dua kemahiran terbabit, sekaligus menjadi 'markah tambah' kepada graduan untuk ditawarkan bekerja.

"Selain kemahiran utama yang relevan dengan fungsi pekerjaan, graduan hendaklah melengkapi diri dengan kemahiran insaniah seperti pengurusan masa, kemahiran organisasi, kemahiran komunikasi lisan dan kemahiran bertulis, terutama dalam bahasa Inggeris serta mampu bekerja secara berpasukan yang cemerlang.

"Kemahiran penyelesaian masalah yang kreatif, pemikiran kritis dan analitikal serta kebolehsuaian adalah antara kemahiran penting yang majikan harapkan daripada graduan baharu.

"Ini kerana majikan mencari graduan yang boleh terus

Keratan akhbar BH, semalam.

Malaysia mencatat 4.6 juta peringkatan 13.2 peratus setat. Daripada jumlah itu, 60,000 peringkatan paling ramai di Asia Tenggara. RM2.5 bilion setahun bagi menampung meliputi 53 peratus lelaki dan 47 peratus.

Oleh Esa Abu Yamin • Nasional 2

4 sektor pekerjaan berpotensi tawar gaji bermula RM4,000 kepada graduan baharu

menyumbang kepada pertumbuhan syarikat dan kebanyakan majikan pada masa ini tidak mempunyai masa dan peruntukan untuk melatih graduan baharu," katanya kepada BH.

Media melaporkan beberapa sektor termasuk halal, kewangan, perbankan, pengangkutan dan audit standard berpotensi untuk ditawarkan gaji premium kepada graduan baharu, iaitu sekurang-kurangnya RM4,000.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin dilaporkan berkata potensi berkenaan sedang diteliti

oleh kementeriannya bersama industri berkaitan susulan kejayaan projek perintis tawaran gaji premium dalam sektor elektrik dan kejuruteraan.

Katanya, projek perintis itu berjaya apabila melahirkan 40 graduan yang memperoleh gaji premium atau RM4,000.

Kaedah lebih praktikal

Sementara itu, Syed Hussain berkata, ketika alam pekerjaan bergerak pantas dengan Revolusi Industri Keempat (IR 4.0) dan kecerdasan buatan (AI), institusi pengajian tinggi (IPT) hendaklah menerima pakai kaedah pengajaran yang lebih praktikal bagi menyediakan pelajar menghadapi dunia pekerjaan dan keperluan kemahiran yang sentiasa berubah.

"Ada keperluan mendesak untuk menyediakan pelajar untuk industri, terutama yang memerlukan menggunakan kreativiti mereka untuk memanfaatkan maklumat daripada pelbagai sumber.

Majikan mencari graduan yang boleh terus menyumbang kepada pertumbuhan syarikat dan kebanyakan majikan pada masa ini tidak mempunyai masa dan peruntukan untuk melatih graduan baharu

Syed Hussain Syed Husman, Presiden MEF



"Pembelajaran ke arah IR 4.0 memerlukan anjakan paradigma yang menerapkan pendekatan yang diterajui permintaan pasaran kerja dan penting untuk mewujudkan kerjasama antara IPT dan sektor swasta.

"Majikan bersedia membayar gaji premium RM4,000 untuk graduan memenuhi keperluan yang dicari majikan. Majikan tidak teragak-agak membayar gaji permulaan sedemikian asalkan mereka mempunyai kemahiran tinggi dan mampu membuat kerja pelbagai," katanya.

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON
TAJUK: SUMBANGAN BESAR PEMBANGUNAN PERUBATAN NEGARA,
GLOBAL

SUMBER: SINAR HARIAN MUKA SURAT : 13

TARIKH : 03/11/2023

Sumbangan besar pembangunan perubatan negara, global

KUALA LUMPUR - Anugerah Akademik Negara (AAN) merupakan inisiatif Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) bagi mengiktiraf serta menyanjung sarjana Malaysia yang telah memberi jasa besar dalam bidang ilmu meliputi pengajaran, penemuan, penulisan, penerbitan ilmiah dan kreatif serta pemindahan dan pengembangan ilmu.

Bertepatan dengan pengiktirafan tersebut, AAN ke-15 yang berlangsung di sebuah hotel di ibu negara pada Selasa telah menyaksikan Pakar Penyakit Berjangkit Negara, Profesor Datuk Dr Adeeba Kamarulzaman, 60, dinobatkan sebagai Tokoh Akademik Negara.

Anugerah tersebut membolehkan anak kelahiran Kota Bharu, Kelantan itu membawa pulang hadiah wang tunai RM200,000 berserta trofi dan sijil.

Dr Adeeba ketika ditemui menyatakan rasa terharunya serta bersyukur kerana terpilih menerima pengiktirafan yang berprestij itu.

Malah, anak keempat daripada enam adik-beradik itu berharap anugerah yang diterimanya akan menjadi inspirasi kepada ahli-ahli akademik yang lain dalam usaha mencurahkan ilmu, pengalaman bagi melahirkan lebih ramai graduan dan tenaga profesional yang diperlukan negara dalam pelbagai bidang.

"Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua ahli akademik di Universiti Malaya (UM) yang mana saya bertugas selama 26 tahun. Kejayaan ini bukanlah kejayaan saya seorang, tetapi kejayaan kepada semua," katanya.



Mohamed Khaled (tengah) bersama-sama para penerima anugerah sempena AAN ke-15.

Dr Adeeba berkata demikian kepada pemberita selepas majlis AAN ke-15 yang disempurnakan oleh Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

Sumbangan Dr Adeeba kepada pembangunan perubatan negara amat besar yang mana beliau merupakan pelopor kepada pengawalan penyakit berjangkit dengan menubuhkan Unit Penyakit Berjangkit di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) pada 1996 serta Pusat Kecemerlangan Penyelidikan dalam AIDS (CERiA) di UM pada tahun 2008.

Atas usahanya, CERiA kini menjadi pusat rujukan berkaitan HIV dan AIDS utama di Malaysia. Selain itu, sumbangannya kepada bidang perubatan

di peringkat antarabangsa juga signifikan sebagai anggota Majlis Sains Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) serta Pesuruhjaya Suruhanjaya Global berkaitan Polisi Dadah.

Sementara itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menerusi ucapan yang dibacakan oleh Mohamed Khaled dalam majlis itu menyatakan harapannya kepada ahli-ahli akademik supaya menghasilkan dapatan ilmu pengetahuan yang mendayakan usaha serta reka cipta rakyat ke arah kemajuan sosial serta budaya lestari.

"Saya percaya, semua itu membina kelebihan dan potensi yang boleh diajarkan untuk memberi kebaikan kepada masyarakat dan negara," jelas Perdana Menteri.



Dr Adeeba memperlihatkan kejayaannya menerima anugerah Tokoh Akademik Negara sempena AAN ke-15 di Kuala Lumpur pada Selasa.

Info para penerima AAN ke-15

Anugerah Penerbitan Makalah Jurnal untuk kategori Bidang Sains

- Profesor Madya Dr Tan Jun Jie
- Universiti Sains Malaysia (USM)

Anugerah Penerbitan Buku

- Profesor Dr Shamsul Bahri Abdul Razak
- Universiti Malaysia Terengganu (UMT)

Anugerah Pengajaran Kelompok Sastera Gunaan dan Sains Sosial Gunaan

- Profesor Madya Dr Adibah Abdul Latif
- Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

Anugerah Pengajaran Kelompok Sains Gunaan

- Dr Norliza Mohd Isa
- Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

Anugerah Inovasi dan Pengkomersialan Produk

- Ts Dr Mariani Abdul Hamid
- Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

Pendidikan

Isnin,
6 November 2023

bhpendidikan@bh.com.my



→ Ikuti lebih berita di www.bharian.com.my

Kerja sambilan tidak sekat mahasiswa cemerlang

Kemiskinan bukan penghalang sambung pengajian, universiti beri bantuan serlah potensi diri

Oleh **Muhamad Lokman Khairi**
bhpendidikan@bh.com.my

Kehidupan mahasiswa hari ini tidak lagi sama dengan zaman sebelumnya. Jika dahulu mahasiswa boleh menumpukan perhatian penuh pada pembelajaran dan hal bersangkutan dengannya, hari ini tuntutan zaman menyebabkan ada pelajar perlu mencari pekerjaan sambilan semasa masih dalam pengajian.

Kesusahan hidup juga dalam sesetengah kes menjadi penyebab sebahagian anak muda enggan menyambung pengajian.

Bagi yang tidak menjadikan kemiskinan sebagai halangan untuk terus belajar, persaingan tinggi untuk mendapat biasiswa dan pinjaman ada kala menyekat kelancaran hidup di kampus.

Selain itu, terdapat juga bantuan pendidikan yang diberikan tidak mencukupi bagi menampung keperluan hidup di kampus.

Justeru, bukan perkara luar biasa untuk melihat ramai mahasiswa melakukan pelbagai pekerjaan bagi mencari wang tambahan.

Apa yang luar biasa sebahagian mereka mampu muncul sebagai pelajar terbaik dalam jurusan masing-masing selain ada universiti yang memberi sokongan dan bermacam-macam bantuan kepada pelajar untuk meringankan beban kewangan misalnya peluang terbahagi dalam perniagaan dan keusahawanan.

Bagi Al Nasri Amil Hamja, 24 yang baru saja tamat pengajian Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT), berkata kehidupannya di kampus penuh warna-warni.

Selain memastikan grednya kekal baik bagi setiap semester, Al Nasri turut melakukan pelbagai pekerjaan sambilan seperti pelayan kedai makan, kru penganjuran majlis, pekerja katering, bekerja

di kedai perabot juga ais krim.

Katanya, lahir dalam keluarga susah menyebabkan dia tidak kekok bekerja sambilan apatah lagi sudah terbiasa begitu sejak di sekolah.

"Ayah saya tidak bekerja sejak 2015 kerana sakit, ibu seorang suri rumah sepenuh masa. Saya ada 10 beradik, jadi saya bertekad untuk tidak meminta walau satu sen pun dengan ibu bapa sepanjang di universiti.

"Sebaliknya, saya yang menghantar duit belanja kepada mereka saya," katanya.

Al Nasri yang berasal dari Lahad Datu, Sabah berkata, dia memanfaatkan setiap cuti semester dan hujung minggu untuk melakukan pelbagai pekerjaan sampingan. Setiap sen yang di-

kumpulkan digunakan untuk menampung kos sepanjang pengajian, mengirimbkannya kepada ibu bapa selain disimpan untuk keperluan masa hadapan.

Jangan bazir masa

Katanya, dia melihat setiap saat tidak boleh dibazirkan dan perlu digunakan untuk mencapai matlamat iaitu cemerlang dalam pelajaran selain enggan terbeban dengan kos kehidupan yang meningkat.

Malah, dia melihat setiap pekerjaan sambilan yang dilakukan adalah 'subjek tambahan' yang memberinya pelajaran baharu.

Kongsinya, pekerjaan sambilan membolehkannya memperoleh antara RM40 hingga RM60 sehari hingga membolehkannya membe-

li motosikal semasa masih belajar.

Malah antara cita-cita besarnya sewaktu menerima tawaran belajar di UMT adalah memastikan kedua ibu bapa dapat hadir melihatnya menerima ijazah pada majlis konvokesyen akhir Oktober lalu.

Kata Al Nasri, kehidupan keluarga yang susah menyebabkan cita-cita itu pada awalnya hanya mimpi namun kerja keras, kesungguhan dan izin tuhan menyebabkan keinginan itu berjaya dimakbulkan.

"Hidup mesti diteruskan walaupun berdepan dengan cabaran kewangan. Kita perlu melihat sesuatu cabaran dalam pelbagai sudut supaya kita dapat lakukan sesuatu untuk mengatasinya.

"Kehidupan adalah tempat untuk belajar, bekerja dan untuk menambah nilai diri. Semua perkara yang memberi manfaat kepada diri dan orang lain, terutamanya keluarga pasti dicuba," katanya.

Siswa perakaunan itu bukan saja cemerlang dalam pelajaran tetapi juga kehebatannya terserlah dalam ko-kurikulum dengan pencapaian terbaik apabila ditauliahkan sebagai Inspektor Kor Sukarelawan Polis Siswa Siswi (SUKSIS).

Sementara itu, bagi Pengarah Unit Korporat Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Zulkarnaen Ali, berkata hampir setiap universiti di Malaysia memiliki kaedah tersendiri dalam membantu pelajar yang kurang berkemampuan untuk meneruskan pengajian.

Antaranya termasuklah pemberian bantuan kewangan, ansuran yuran pengajian tidak kurang juga memberi pertolongan dan dorongan kepada pelajar berpotensi dalam bidang keusahawanan.

Dalam konteks itu katanya, UNIMAS turut membantu pelajar dengan menyediakan platform perniagaan kepada 63 mahasiswa memulakan perniagaan di dalam kampus.

Makna besar

Bantuan diberikan dengan menyediakan peluang perniagaan dalam bentuk kios, inkubator dan gerai serta penyertaan dalam pertandingan serta program keusahawanan sejak 2021.

"Ia bermula sebagai bantuan dan dorongan kepada pelajar berpotensi, hari ini ada sebahagian mereka sudah berjaya membuka perusahaan sendiri melalui pengalaman berniaga yang diberikan universiti.

"Antaranya jenama 'Puff Lab' iaitu perusahaan menjual pastri dan manisan.

"Ia bermula dengan usaha tiga penuntut Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Pengurusan Korporat) dari Fakulti Ekonomi dan Perniagaan iaitu Muhammad Yazid Mohd Rizman Clement; Grace Chong Siaw Ting dan Azizah Sayan Lukman Hakim.

"Bermula dengan kios kecil di kampus, hari ini mereka sudah mencipta nama sendiri malah potensi mereka semakin besar apabila menerima dana daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Terminal Perindustrian dan Pembangunan Usahawan Sarawak (MINTRED) serta Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (SEDC)," katanya.

Tegas Zulkarnaen, pengiktirafan oleh kerajaan negeri memberi makna besar untuk sebuah perusahaan yang bermula sebagai bantuan dan sokongan universiti kepada pelajarannya.



Jenama Puff Lab antara projek yang bermula sebagai program bantuan universiti kepada pelajar.



Al Nasri berjaya menamatkan pengajian dengan cemerlang walaupun keluarganya tidak mampu menyokong dari sudut kewangan.



Zulkarnaen Ali



PERSPEKTIF

NURFAIRINA FAKHIRA ABDUL RAHIM

Ekonomi digital memacu kemakmuran negara

Ekonomi digital di rantau Asia mengalami pertumbuhan pesat dan memberikan sumbangan yang besar kepada KDNK rantau ini. Menurut laporan *We Are Social*, Asia adalah rantau yang paling pesat berkembang dari segi pengguna internet, dengan 125,000 pengguna baru setiap hari.

Ekonomi digital rantau ini dijangka menambah kira-kira \$AS1 trilion kepada KDNK serantau dalam dekad akan datang. Pandemik Covid-19 telah mempercepat pertumbuhan ekonomi digital kerana banyak perniagaan dan pengguna telah beralih dari sistem tradisional ke platform digital. Ini telah membawa kepada peningkatan penggunaan e-dagang dan platform perbankan dalam talian.

Tinjauan yang dilakukan pada tahun 2019 menunjukkan bahawa 31 peratus (%) responden di Malaysia membeli barang secara dalam talian sekurang-kurangnya sekali seminggu, sementara 51% membayar bil dan invois secara dalam talian pada tahun 2018.

Buktinya, Malaysia telah mengalami pertumbuhan yang ketara dalam ekonomi internet dan pasaran e-dagang. Ekonomi digital Malaysia menyumbang 18.5% atau RM267.7 bilion kepada KDNK negara pada tahun 2018 dan ia meningkat kepada RM289 bilion atau 19.1% daripada KDNK pada tahun 2019.

Pada tahun 2020, ekonomi digital menyumbang 22.6% daripada KDNK negara. Terdapat peluang besar untuk pertumbuhan ekonomi digital di rantau ini, dengan banyak usahawan dan permulaan berpotensi memacu ekonomi.

Platform e-dagang seperti Shopee, Lazada, Alibaba dan Amazon telah memainkan peranan penting dalam memacu perdagangan di rantau ini. Platform ini juga memberi peluang kepada perusahaan mikro, kecil dan sederhana (MSME) untuk memasarkan produk mereka dan mengembangkan kehadiran pasaran mereka di seluruh dunia.

Malaysia menduduki tempat ketiga di Asia Tenggara untuk penembusan e-dagang individu. Peningkatan penggunaan platform e-dagang dan pembayaran digital telah meningkatkan pertumbuhan sektor ekonomi digital di Malaysia.

Di samping itu, ekonomi digital juga mewujudkan peluang pekerjaan baru dalam sektor digital seperti pembangunan perisian, reka bentuk pengajaran, dan pengurusan platform pendidikan.

Ekonomi digital mempunyai potensi untuk meningkatkan pendapatan negara. Melalui penggunaan teknologi digital dan platform e-dagang, negara

dapat memupuk pertumbuhan sektor ekonomi digital yang dapat menyumbang secara signifikan kepada pendapatan negara.

Ekonomi digital juga telah meningkatkan daya saing negara ini di peringkat global. Malaysia adalah salah satu negara pengeksport terbesar di rantau Asia, dengan elektronik, minyak sawit dan gas asli menjadi komoditi utama yang dieksport. Peningkatan akses internet dan penggunaan teknologi digital telah memperluaskan pasaran perusahaan mikro, kecil dan sederhana di Malaysia, membolehkan usahawan memasarkan produk mereka secara global melalui platform e-dagang.

Untuk terus membangunkan ekonomi digital dan memastikan rakyat Malaysia dilengkapi dengan kemahiran yang diperlukan, kerajaan telah melancarkan inisiatif seperti MyDIGITAL untuk mengukuhkan ekonomi digital negara. MyDIGITAL bertujuan untuk memperkasakan orang ramai untuk menguasai teknologi dan menyumbang 25.5% kepada KDNK menjelang 2025.

Inisiatif ini termasuk meningkatkan infrastruktur digital, melatih dan membangunkan keupayaan digital dan mempromosikan inovasi dan keusahawanan digital. Ekonomi digital juga telah mewujudkan peluang pekerjaan baru di rantau ini, terutamanya yang berasaskan kemahiran digital seperti pemaju aplikasi, saintis data dan pakar media sosial. Graduan dan orang muda mendapat manfaat daripada peluang ini.

Dengan pertumbuhan ekonomi digital yang berterusan, ekonomi negara dapat mengalami peningkatan yang ketara. Ekonomi digital telah mencipta pekerjaan, dengan potensi untuk menjana lebih daripada 500,000 pekerjaan menjelang 2025.

Kerajaan telah mengutamakan inisiatif untuk meningkatkan literasi digital, menarik dan mengekalkan bakat digital, mempromosikan keusahawanan digital, dan menyediakan akses internet yang cepat dan boleh dipercayai. Ekonomi digital memberi peluang kepada syarikat dan individu untuk berinovasi, mewujudkan pekerjaan dan meningkatkan daya saing negara di peringkat global.

Di samping itu, ekonomi digital juga dapat membantu meningkatkan pendapatan negara melalui sektor perkhidmatan seperti dalam kewangan, perdagangan dan pelancongan. Dengan penerapan teknologi digital, syarikat di sektor ini dapat meningkatkan kecekapan operasi dan menjangkau lebih banyak pelanggan serta seterusnya dapat meningkatkan pendapatan dan sumbangan mereka terhadap pen-



Sebahagian besar urusan jual beli dan perbankan kini sudah beralih kepada digital. - Gambar hiasan

apatan negara.

Kerajaan juga boleh memperoleh pendapatan dari sektor ekonomi digital melalui cukai yang dikenakan ke atas transaksi dalam talian, syarikat teknologi dan penggunaan infrastruktur digital. Dengan mengoptimumkan potensi ekonomi digital, negara boleh meningkatkan pendapatan dan mengukuhkan kestabilan fiskal.

Ekonomi digital memberikan faedah besar untuk aspek sosio-ekonomi. Berikut adalah beberapa faedah sosio-ekonomi ekonomi digital:

1. Peningkatan kebolehcapaian: Ekonomi digital membolehkan akses yang lebih mudah dan lebih luas kepada produk, perkhidmatan dan maklumat. Platform e-dagang dan pembayaran digital membolehkan pengguna membeli produk dan perkhidmatan dalam talian dengan lebih mudah dan cepat.

Hal ini dapat membantu mengurangkan jurang akses dan memperluaskan peluang ekonomi untuk individu dan komuniti yang sebelum ini terhad disebabkan oleh kekangan geografi atau ekonomi.

2. Pemeraksaan ekonomi masyarakat: Ekonomi digital memberi peluang kepada orang ramai untuk terlibat secara aktif dalam aktiviti ekonomi. Individu boleh menjadi usahawan digital, menjual produk atau perkhidmatan mereka melalui platform e-dagang atau menjadi *freelancer* dalam bidang seperti reka bentuk grafik, penulisan kandungan, atau pembangunan perisian. Perkara ini juga dapat membantu meningkatkan pendapatan rakyat dan kemerdekaan ekonomi negara.

3. Meningkatkan kualiti hidup: Ekonomi digital membuka peluang untuk meningkatkan kualiti hidup melalui akses yang lebih baik kepada pendidikan, kesihatan dan perkhidmatan awam. Pendidikan dalam talian membolehkan individu memperoleh pengetahuan dan kemahiran baru tanpa terikat dengan

kekangan geografi atau masa.

Perkhidmatan kesihatan digital juga menyediakan akses yang lebih mudah dan cepat kepada perundingan perubatan, diagnosis dan penjagaan jarak jauh.

4. Peningkatan kebolehcapaian: Melalui ekonomi digital, akses kepada produk, perkhidmatan dan maklumat dapat ditingkatkan.

Platform e-dagang dan pembayaran digital membolehkan pengguna membeli produk dan perkhidmatan dalam talian dengan lebih mudah dan cepat.

Di samping itu, pendidikan dalam talian juga membolehkan akses kepada pendidikan yang lebih inklusif untuk individu dipelbagai lokasi atau di mana sahaja mereka berada.

5. Peningkatan inovasi dan kreativiti: Ekonomi digital mendorong inovasi dan kreativiti dengan menyediakan platform untuk pengembangan dan pemasaran produk dan juga perkhidmatan baru. Syarikat-syarikat yang terlibat dalam teknologi digital juga turut dapat mengembangkan penyelesaian inovatif.

Secara keseluruhan, ekonomi digital mempunyai kesan positif yang signifikan terhadap pertumbuhan ekonomi Malaysia.

Ekonomi digital telah memainkan peranan penting dalam pertumbuhan ekonomi Malaysia dan berpotensi untuk terus menyumbang kepada pembangunan negara dan kemakmuran rakyat.

Tumpuan kerajaan terhadap transformasi digital dan pelaksanaan inisiatif seperti Rangka Kerja MyDIGITAL bertujuan untuk memanfaatkan ekonomi digital dan mewujudkan landskap ekonomi yang lebih inklusif dan inovatif. Hal ini dapat memberi peluang besar untuk pertumbuhan dan pembangunan ekonomi di Malaysia.

*Nurfairina Fakhira Abdul Rahim,
 Universiti Malaysia Terengganu

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON
TAJUK: PENARAFAN UNIVERSITI: MAJIKAN TETAP UTAMAKAN KEMAHIRAN
GRADUAN

SUMBER: UTUSAN MALAYSIA MUKA SURAT : 04

TARIKH : 20/11/2023

Penarafan universiti: Majikan tetap utamakan kemahiran graduan

Utusan Malaysia 20/11/23 ms 4

PETALING JAYA: Majikan-majikan ternama di negara ini tidak lagi mengutamakan penarafan universiti dalam pemilihan pekerja sebaliknya memilih graduan yang mempunyai kualiti dan berkemahiran tinggi.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM), Norsyahrin Hamidon berkata, pemilihan graduan sebagai pekerja baharu adalah berdasarkan kemahiran yang dimiliki dan majikan tidak melihat penarafan universiti.

Katanya, majikan mementingkan kebolehan pekerja baharu

untuk berfikir secara kritikal dan kesediaan untuk mempelajari tugas baharu.

"Graduan kelahiran tempatan sebenarnya lebih memahami budaya dan persekitaran pemikiran orang tempatan selain mereka sememangnya mengetahui serta mempelajari tentang undang-undang perniagaan dan sistem percukaian di Malaysia," katanya.

Khamis lalu akhbar ini menyiarkan tulisan Prof. Emeritus Tan Sri Dzulkifli Abdul Razak tentang penarafan QS World University Rankings yang tidak lagi relevan ekoran timbul percanggahan dan

ketidaktelusan terhadap penanda aras yang digunakan.

Sementara itu Penasihat Pusat Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) Universiti Malaya dan Presiden Persatuan STEM Kebangsaan, Prof. Emeritus Datuk Dr. Noraini Idris berkata, penarafan universiti tidak lagi diutamakan kerana majikan pada masa kini lebih menitikberatkan kualiti dan kebolehpasaran graduan.

Tegasnya, pihak industri lebih memerlukan graduan dengan kemahiran berkomunikasi yang baik, kreativiti tinggi, berkepe-

mimpinan selain mampu memberikan impak besar kepada negara.

"Majikan lebih mengutamakan graduan yang mempunyai kemahiran dari segi komunikasi contohnya fasih berbahasa asing selain mampu memberikan idea yang bernas terhadap sesuatu isu atau organisasi.

"Hal ini kerana graduan yang berkebolehan dan kreatif dari setiap segi mampu memberikan sumbangan terhadap kemajuan sesebuah syarikat dengan mengaplikasikan ilmu yang dipelajari ke dalam bidang pekerjaan," katanya.

egeri

IPTA tidak perlu taksub kejar penarafan - KPT

Oleh ROSMIZAN RESDI
utusannews@mediamulia.com.my

KOTA BHARU: Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) mengingatkan semua institusi pengajian tinggi awam (IPTA) supaya tidak terlalu taksub dalam mengejar kedudukan atau *ranking* universiti terbaik peringkat antarabangsa.

Menterinya, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, ketaksuban itu dilihat boleh menimbulkan persaingan sehingga menyebabkan masing-masing tidak mahu berkongsi kepakaran serta penemuan baharu.

Menurutnya, penentuan kedudukan sesebuah IPTA tidak dijadikan sebagai ukuran memandangkan semua universiti diwujudkan dengan tujuan dan matlamat yang berbeza.

"Kita (IPTA) tidak perlu beri penekanan kepada *ranking* (penarafan) dan tidak perlu taksub sebab kita ingat sudah ada banyak kenyataan dan penulisan mengenai *ranking* dan banyak juga badan antarabangsa yang melahirkan kebimbangan supaya kita tidak terima *ranking* ini bulat-bulat.

"Ia (kedudukan) tidak boleh mengukur secara umum semua universiti kerana setiap universiti diwujudkan untuk tujuan dan matlamat berbeza kerana

Wujud percanggahan dan tidak ketelusan terhadap penanda aras

Kejar ranking universiti sudah tidak relevan

Oleh JUANI MUNIR ABU BAKAR
juani.palmer@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Semua universiti tidak boleh terlalu taksub mengejar QS World University Rankings atau penarafan universiti antarabangsa kerana pendekatan tersebut sudah tidak relevan ekoran timbul percanggahan dan ketidaktelusan terhadap penanda aras digunakan.

Ini kerana Institut Antarabangsa Berkaitan Global Universiti Pertubuhan

Bangsa-Bangsa Bersatu (UNU) pernah membangkitkan soal ketelusan kaedah dan kualiti data digunakan QS ketika membuat penarafan sesebuah universiti. Lebih membingungkan, penarafan tersebut dilakukan oleh sebuah badan swasta bersifat komersial, bukan ilmiah dan bebas sekali-gus seolah-olah menunjukkan pendidikan adalah barang dagangan yang mudah dijual beli.

Bercakap kepada Utusan Melayu, Rektor Universiti Islam Antarabangsa

Malaysia (UIAM), Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Dzulkifli Abdul Razak berkata, wujud percanggahan antara ranking dikeluarkan QS dengan badan bebas UNU dari segi soal ketelusan kaedah penarafan dan kualiti data.

Katanya, malah, wujud konflik kepen-

UTUSAN Malaysia
17 November 2023.

"Ia (kedudukan) tidak boleh mengukur secara umum semua universiti kerana setiap universiti diwujudkan untuk tujuan dan matlamat berbeza kerana ukuran yang digunakan antaranya ada yang lebih sesuai untuk negara maju."

ukuran yang digunakan antaranya ada yang lebih sesuai untuk negara maju.

"Ada (kedudukan) tidak sesuai untuk IPTA di banyak negara lain," katanya pada pemberita selepas Sambutan Ulang Tahun Ke-40 Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) di Dewan Utama, Kampus Kesihatan Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian, di sini semalam.

Mohamed Khaled memberitahu, *ranking* hanya boleh digunakan untuk lihat di mana kedudukan dan bukannya dijadikan sebagai asas sebuah universiti itu baik, cemerlang atau tidak.

Katanya, antara aspek utama yang ditekankan dalam sis-

tem pendidikan tinggi adalah kerjasama bersepadu dalam perkongsian sumber dan kepakaran serta bergerak secara strategik bagi membangunkan kepakaran yang ada.

Media sebelum ini melaporkan, semua universiti tidak boleh terlalu taksub mengejar *ranking* QS World University Rankings atau penarafan universiti antarabangsa kerana pendekatan itu tidak relevan apabila timbul percanggahan dan ketelusan terhadap penanda aras digunakan.

Ini kerana Institut Antarabangsa Berkaitan Global Universiti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNU) pernah membangkitkan soal ketelusan kaedah dan kualiti data digunakan QS ketika membuat penarafan sesebuah universiti.

Dalam perkembangan lain Mohamed Khaled berkata, hospital pengajar adalah sesuatu elemen penting dalam sistem pendidikan tinggi negara terutamanya membabitkan IPTA yang terlibat dalam bidang perubatan.

"Setakat ini, sebanyak lapan universiti sudah mempunyai hospital pengajarnya termasuk HUSM antara yang terawal. Menerusi hospital pengajar, kita menekankan tiga aspek iaitu menyediakan rawatan, penyelidikan serta kajian," katanya.

egeri

IPTA tidak perlu taksub kejar penarafan - KPT

Oleh ROSMIZAN RESDI
utusannews@mediamulia.com.my

KOTA BHARU: Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) mengingatkan semua institusi pengajian tinggi awam (IPTA) supaya tidak terlalu taksub dalam mengejar kedudukan atau *ranking* universiti terbaik peringkat antarabangsa.

Menterinya, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, ketaksuban itu dilihat boleh menimbulkan persaingan sehingga menyebabkan masing-masing tidak mahu berkongsi kepakaran serta penemuan baharu.

Menurutnya, penentuan kedudukan sesebuah IPTA tidak dijadikan sebagai ukuran memandangkan semua universiti diwujudkan dengan tujuan dan matlamat yang berbeza.

"Kita (IPTA) tidak perlu beri penekanan kepada *ranking* (penarafan) dan tidak perlu taksub sebab kita ingat sudah ada banyak kenyataan dan penulisan mengenai *ranking* dan banyak juga badan antarabangsa yang melahirkan kebimbangan supaya kita tidak terima *ranking* ini bulat-bulat.

"Ia (kedudukan) tidak boleh mengukur secara umum semua universiti kerana setiap universiti diwujudkan untuk tujuan dan matlamat berbeza kerana

Wujud percanggahan dan tidak ketelusan terhadap penanda aras

Kejar ranking universiti sudah tidak relevan

Oleh JUANI MUNIR ABU BAKAR
juani.bakar@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Semua universiti tidak boleh terlalu taksub mengejar QS World University Rankings atau penarafan universiti antarabangsa kerana pendekatan tersebut sudah tidak relevan ekoran timbul percanggahan dan ketidaktelusan terhadap penanda aras digunakan.

Ini kerana Institut Antarabangsa Berkaitan Global Universiti Pertubuhan

Bangsa-Bangsa Bersatu (UNU) pernah membangkitkan soal ketelusan kaedah dan kualiti data digunakan QS ketika membuat penarafan sesebuah universiti. Lebih membingungkan, penarafan tersebut dilakukan oleh sebuah badan swasta bersifat komersial, bukan ilmiah dan bebas sekali gus seolah-olah menunjukkan pendidikan adalah barang dagangan yang mudah dijual beli.

Bercakap kepada *Utusan Mala* Rektor Universiti Islam Antarab

Malaysia (UIAM), Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Dzulkifli Abdul Razak berkata, wujud percanggahan antara *ranking* dikeluarkan QS dengan badan bebas UNU dari segi soal ketelusan kaedah penarafan dan kualiti data.

Katanya, malah, wujud konflik kepen-

UTUSAN Malaysia
17 November 2023.



Ia (kedudukan) tidak boleh mengukur secara umum semua universiti kerana setiap universiti diwujudkan untuk tujuan dan matlamat berbeza kerana ukuran yang digunakan antaranya ada yang lebih sesuai untuk negara maju."

ukuran yang digunakan antaranya ada yang lebih sesuai untuk negara maju.

"Ada (kedudukan) tidak sesuai untuk IPTA di banyak negara lain," katanya pada pemberita selepas Sambutan Ulang Tahun Ke-40 Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) di Dewan Utama, Kampus Kesihatan Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian, di sini semalam.

Mohamed Khaled memberitahu, *ranking* hanya boleh digunakan untuk lihat di mana kedudukan dan bukannya dijadikan sebagai asas sebuah universiti itu baik, cemerlang atau tidak.

Katanya, antara aspek utama yang ditekankan dalam sis-

tem pendidikan tinggi adalah kerjasama bersepadu dalam perkongsian sumber dan kepakaran serta bergerak secara strategik bagi membangunkan kepakaran yang ada.

Media sebelum ini melaporkan, semua universiti tidak boleh terlalu taksub mengejar *ranking* QS World University Rankings atau penarafan universiti antarabangsa kerana pendekatan itu tidak relevan apabila timbul percanggahan dan ketelusan terhadap penanda aras digunakan.

Ini kerana Institut Antarabangsa Berkaitan Global Universiti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNU) pernah membangkitkan soal ketelusan kaedah dan kualiti data digunakan QS ketika membuat penarafan sesebuah universiti.

Dalam perkembangan lain Mohamed Khaled berkata, hospital pengajar adalah sesuatu elemen penting dalam sistem pendidikan tinggi negara terutamanya membabitkan IPTA yang terlibat dalam bidang perubatan.

"Setakat ini, sebanyak lapan universiti sudah mempunyai hospital pengajarnya termasuk HUSM antara yang terawal. Menerusi hospital pengajar, kita menekankan tiga aspek iaitu menyediakan rawatan, penyelidikan serta kajian," katanya.

Tampil yakin sebagai pemain bola jaring

Nur Solieha kongsi pengalaman bergelar pemain harapan



Oleh AZLEENDA SAHALUDIN

Meminati sukan bola jaring bermula daripada hobi sehingga melayakkan dirinya untuk bermain mewakili negara adalah sesuatu yang tidak pernah disangkakan sebelum ini.

Ini kerana, bagi Nur Solieha Alieya Hizal, terlibat secara langsung dalam sukan itu telah mendidiknya untuk menjadi lebih yakin dan berani terutamanya ketika diberi peluang serta tanggungjawab menjadi pemain utama (first seven).

Kini, walaupun bergelar sebagai penuntut di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), dia masih memilih untuk bergiat aktif dalam bola jaring sehingga menjadikan sukan berkenaan sebagai karier terbarunya.

"Pada mulanya saya sekadar bermain untuk

Aksi pemain KL Wildcats menentang Johor Jewels dalam aksi final Liga Super Bola Jaring (NSL) baru-baru ini.



suka-suka sahaja kerana ingin mencuba sukan ini dan siapa sangka akhirnya saya jatuh cinta selain berasa seronok lebih-lebih lagi apabila bermain untuk sesuatu perlawanan.

"Bagi saya, sesebuah perlawanan adalah sumber ilmu dan latihan untuk saya tingkatkan kualiti permainan agar dapat menjadi pemain terbaik sekali gus mengharumkan nama pasukan," katanya kepada *Sinar Bestari* baru-baru ini.

Bercerita lanjut mengenai awal penglibatannya, gadis berusia 18 tahun itu memberitahu, dia terlibat dalam sukan bola jaring ketika di usia 12 tahun.

Berkat usaha gigih dan semangat kental, tahun 2022 menjadi titik permulaannya untuk terlibat dalam pasukan

KL Wildcats bagi Liga Super Bola Jaring (NSL) apatah lagi memegang posisi shooter.

"Alhamdulillah setakat ini latihan bola jaring dan pembelajaran sama sekali tidak membebankan saya.

"Malah saya berasa seronok walaupun perlu membahagi masa antara kedua perkara tersebut yang sama pentingnya buat saya," ujarnya lagi.

Menyingkap pengalamannya sepanjang bergelar pemain bola jaring, Nur Solieha berkata, dia pernah mewakili negara bagi Asia Youth dalam sukan itu baru-baru ini.

Lebih membanggakan, ketika perlawanan itu juga, dia dan pasukannya berjaya menumpaskan negara jiran iaitu Singapura dengan jarak mata sebanyak enam.

Mengakhiri perbualan bersama *Sinar Bestari*, Nur Solieha menitipkan pesanan buat adik-adik yang bakal menjadi pelapis baru dalam sukan bola jaring.

Katanya, dalam apa jua sukan yang diceburi pasti ada halangan serta dugaan, dan ia juga sedikit sebanyak mengajar seseorang untuk tampil lebih berani.

"Untuk sukan bola jaring ini, cuba dahulu sekiranya memang berniat untuk bermain tetapi terhalang atas faktor-faktor tertentu.

"Sebab itulah, penting untuk mencuba kerana belum cuba belum tahu akan keseronokan bermain bola jaring," tuturnya.

Bagi saya, sesebuah perlawanan adalah sumber ilmu dan latihan untuk saya tingkatkan kualiti permainan."

- Nur Solieha Alieya

INFO

Undang-undang asas bola jaring

- 1 Setiap pemain tidak dibenarkan untuk mengheret atau memusingkan tapak kaki apabila sedang memegang bola.
- 2 Dilarang untuk menghantar bola lebih dari kawasan tanpa disentuh atau diambil oleh pemain.
- 3 Jika bola keluar, hantaran ke dalam diberikan kepada pasukan lawan.
- 4 Hantar tengah untuk memulakan permainan diambil secara bergilir-gilir selepas jaringan gol.
- 5 Pasukan akan menukar posisi gelanggang setiap kali masuk suku perlawanan.
- 6 Kesalahan offside apabila pemain keluar daripada kawasan yang dibenarkan.
- 7 Pemain mesti melakukan halangan minima tiga kaki dari pemain yang memegang bola.
- 8 Pemain tidak dibenarkan untuk melakukan sebarang sentuhan samada memegang bola samada sengaja atau tidak.

ISLAM LARANG UMAT MENCACI & MENCELA

'Tikaman lidah' lebih tajam dan amat berbahaya

Bersama
Dr Mohd Shukri Hanapi

Sesiapa yang bertindak mencela saudaranya daripada kalangan umat Islam, bermakna ia mencela dirinya sendiri



Antara adab seseorang Muslim dengan Muslim yang lain ialah baik dalam percakapan dan pergaulan dengan mengenepikan perbuatan mencela atau mencaci antara satu sama lain.

Dalam bahasa Arab mencela adalah berasal daripada perkataan al-Lamzu yang bererti al-Ta'nu (tikaman).

Ulama zaman silam seperti Mujahid, Ibn 'Abbas, Qatadah dan Sa'id bin Jubayr berkata, lumzun (celaan) itu bermakna al-Ta'nu (tikaman), iaitu jangan 'tikam-menikam' (cela-mencela) antara satu sama lain.

(al-Tabariy, 1996, 11:391)

Berkaitan larangan ini, Allah SWT berfirman yang bermaksud: "Dan janganlah kamu membunuh diri kamu."

(Surah al-Nisa', 4:29). Maksud 'membunuh diri' di sini ialah perumpamaan bagi perbuatan mencela. Perbuatan mencela sesama umat Islam adalah seumpama membunuh diri sendiri.

Selain itu, ada juga ulama yang memberi makna al-Lamzu di sini dengan 'aib (cacat) (al-Qardawi, 1993:302). Perkataan ini ada disebut juga di dalam firman Allah SWT yang bermaksud: "Dan di antara mereka ada orang yang mencelamu tentang (pembahagian) zakat." (Surah al-Taubah, 9:58)

Berdasarkan pengertian mencela di atas, jelaslah bahawa perbuatan mencela seseorang Mukmin seperti menusuk atau menikam orang tersebut dengan pedang yang tajam dari arah belakangnya.

Pentafsiran ini tepat sekali. Bahkan kadangkala tikaman lidah itu lebih hebat dan amat berbahaya. Seorang penyair Arab berkata: "Luka kerana tikaman tombak masih dapat diubati, tetapi luka kerana tikaman lidah sukar diubati."

Menurut al-Tabariy, perbuatan al-Lamz ini boleh dilakukan dengan menggunakan tangan, lidah dan mata. Manakala al-Hamz (mencaci) pula berlaku dengan mengucapkan lidah sahaja. (al-Qurtubiy, 1993:16:214)

Terdapat perbezaan antara

PERUMPAMAAN orang Mukmin dalam kasih sayangnya, kemesraannya dan belas-kasihannya, laksana sebatang tubuh.



al-Sukhriyyah (mengejek) dan al-Lamz (mencela).

Al-Sukhriyyah ialah menghina seseorang secara mutlak dengan tujuan untuk mentertawakannya. Ia berlaku ketika seseorang itu berada di hadapan pengejek.

Manakala perbuatan al-Lamzu hanya untuk membuka keaiban seseorang. Baik bertujuan untuk mentertawakannya atau ada tujuan lain di sebaliknya. Baik ketika seseorang itu berada di hadapan pencela atau tidak. Berdasarkan penjelasan ini, perbuatan al-Lamz lebih umum daripada perbuatan al-Sukhriyyah.

Allah SWT melarang orang Mukmin daripada mencela diri mereka sendiri, sama ada dengan perkataan, perbuatan atau isyarat. Dimaksudkan dengan mencela 'diri sendiri' ialah mencela sesama umat Islam kerana semua umat Islam itu bersaudara dan seperti satu jasad. Oleh itu, sesiapa yang bertindak mencela saudaranya daripada kalangan umat Islam, bermakna ia mencela dirinya sendiri.

Perlu difahami persaudaraan Islam itu persaudaraan yang hakiki berbanding persaudaraan seibu seapa. Malah persaudaraan Islam itu lebih utama daripada persaudaraan seibu seapa kerana persaudaraan hanya di dunia ini sahaja, tetapi persaudaraan Islam pula ikatannya berterusan hingga ke Hari Akhirat.

Imam Muslim telah meriwayatkan daripada Nu'man

bin Basyir bahawa Nabi Muhammad SAW telah bersabda yang bermaksud: "Perumpamaan orang Mukmin dalam kasih sayangnya, kemesraannya dan belas-kasihannya, laksana sebatang tubuh. Apabila salah satu anggotanya mengalami sakit, seluruh anggota yang lain turut merasa demamnya dan berjaga malam." (al-Nawawiy, 1996, 16:108, Hadith No. 2586)

Ini merupakan perumpamaan ringkas tentang persaudaraan Islam, tetapi ia mengandungi erti dan maksud yang begitu besar.

Perkara ini juga ada disebutkan dengan lebih jelas lagi di dalam hadis yang lain, iaitu diriwayatkan daripada Abu Hurayrah RA berkata, Rasulullah SAW telah bersabda: "Janganlah kamu dengki mendengki, jangan tipu menipu, jangan benci membenci, jangan musuh memusuhi, jangan sesetengah kamu berjual-beli atas jual beli sesetengah yang lain dan jadilah kamu semua sebagai hamba-hamba Allah yang bersaudara. Seseorang Muslim adalah saudara Muslim yang lain, tidak boleh menganiayainya, tidak boleh membiarkannya tertindas, tidak boleh mendustakannya dan tidak boleh menghina. Takwa itu berpunca dari sini! sambil baginda menepuk dadanya tiga kali. Memadailah seseorang itu dikira jahat, jika ia menghina saudaranya yang Muslim. Seorang Muslim kepada Muslim yang lain

diharamkan darahnya, harta bendanya dan kehormatannya." (al-Bugha, 1994: 104)

Itulah empat sifat tercela yang ditunjukkan dalam hadis di atas supaya kita menjauhinya, agar mudah kita mencapai kedudukan sebagai hamba Allah SWT yang bersaudara.

Semua umat Islam di dunia ini boleh menganggap dirinya sebagai hamba Allah SWT, kerana mereka dicipta oleh Allah SWT daripada tiada menjadi ada. Akan tetapi belum tentu Allah SWT akan menerima pengakuan seseorang Muslim selagi ia masih belum membuktikan kepatuhannya kepada Allah SWT dan kepada Rasul-Nya.

Sebab itulah Allah SWT mengutuskan para Nabi dan Rasul kepada makhluk-Nya untuk membimbing mereka ke jalan yang diredai-Nya, agar mereka benar-benar menjadi hamba Allah SWT yang sentiasa mendapat perlindungan rahmat-Nya.

Seseorang Muslim terhadap saudara Muslimnya yang lain, hendaklah antara keduanya menunjukkan berbagai-bagai sifat mulia seperti saling berkasih sayang, saling hormat-menghormati, saling sayang-menyayangi, saling bantu-membantu dan sebagainya yang boleh menimbulkan kemesraan dan perimbuhan dalam hidup aman damai dan bahagia.

Apabila terjalin ikatan seumpama itu, tentulah kedua-dua mereka tidak akan menzalimi yang lain atau menganiayainya, mendustakannya, menghina, membiarkannya tertindas oleh orang lain dan sebagainya, kerana sifat ini jelas bertentangan dengan sifat murni yang disebut dalam hadis di atas.

Tidak mungkin dua sifat yang bertentangan dilakukan serentak dalam satu masa ke atas seseorang, lalu ia mengaku bahawa orang itu saudaranya atau sahabatnya. Itulah petunjuk daripada hadis di atas.

Oleh itu Allah SWT mencela dan melaknati orang-orang yang suka mengutuk dan mencela sesama mereka, sepertimana firman Allah SWT yang bermaksud: "Kecelakaan besar bagi tiap-tiap orang yang mencaci dan mengeji." (Surah al-Humazah, 103:1)

Penulis Pensyarah di Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia

Selangor peneraju TVET Malaysia



ILMU
KEJURUTERAAN
DARIPADA
AL-QURAN

MUHIDIN ARIFIN

Jumaat lalu, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari mengangkat agenda Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dan mengaitkan ia dengan kerjasama industri.

Amirudin turut mengembalikan perkataan 'industri' kepada Universiti Selangor (Unisel). Bermula 2025, Unisel akan kembali dikenali sebagai Universiti Industri Selangor.

Penulis tabik kepada Amirudin. Universiti ialah tempat melahirkan insan mulia termasuk jurutera berkualiti dunia. Penulis sangat bersetuju dengan strategi beliau.

Penulis ada 'nilai sentimental' kepada Unisel kerana pernah menjadi Dekan Fakulti Kejuruteraan (FK) dan Pengarah Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan (JPP) di universiti tersebut. Industri sangat sinonim dengan Selangor.

Sebagai negeri termaju dan terkaya di Malaysia, Selangor jauh mendahului negeri lain. Sudah semestinya isu berkaitan industri, TVET, kecerdasan buatan atau *artificial intelligence* (AI) dan teknologi terbaharu dikupas dengan penuh teliti di universiti.

Pada Ogos 2018, penulis mengupas

tentang TVET. Penulis merumuskan TVET masih jauh ketinggalan di negara ini.

Justeru, sebagai negeri industri, Selangor mesti menjadi pemimpin TVET di Malaysia. Tindakan mengembalikan aura industri kepada Universiti Industri Selangor boleh merealisasikan impian Amirudin untuk kejayaan TVET di negeri itu.

Timbul persoalan, kenapa baru sekarang Selangor mahu menjadikan TVET sebagai agenda perdana?

Jawabannya mudah.

Evolusi dan inovasi mesti bergerak seiring jalan. Sekiranya mahu menjadi negara anggota BRICS (Brazil, Russia, India, China dan Afrika Selatan yang mewakili 30 peratus keluasan dunia dan 43 peratus populasi dunia), Malaysia mesti mengungguli TVET.

Menguasai TVET bertaraf tinggi bermakna Selangor akan memiliki pakar kemahiran teknikal kejuruteraan, teknologi, kedoktoran, kewangan, perakaunan, perniagaan, pemasaran, perubatan, pengurusan, pendidikan, penerbangan, undang-undang, perladangan, pertanian, penternakan dan pelancongan. Ia mewakili kitaran Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0).

Sebagai rekod, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Selangor pada 2022 ialah RM349 bilion iaitu 25.5 peratus KDNK Malaysia meningkat 11.9 peratus daripada RM312.5 bilion dicatatkan pada 2021.

Selangor memacu pertumbuhan ekonomi Malaysia pada tahun-tahun men-

datang. Di sinilah TVET akan berperanan sebagai pemangkin teknologi terkini.

Ketika ini, industri pembuatan termaju bergantung kepada mesin atau robot automasi, pakar dalaman dan tenaga berkemahiran tinggi. Pekerja mesti mahir dan cekap mereka bentuk, menyelenggara serta mengendalikan mesin atau sistem automasi mengikut piawaian dan prosedur antarabangsa.

Penulis meramalkan, menerusi TVET, Selangor akan menjadi lembah teknologi bertaraf dunia. Selangor bakal menjadi negeri pertama mengaplikasikan teknologi AI kepada semua pelabur.

TVET sebenarnya sudah menjadi teras utama kepada negara maju Eropah, Amerika Syarikat, Jepun, Taiwan dan China. TVET juga disebut ALLAH SWT dalam Surah al-Mujadalah ayat 58:11 tentang kelebihan manusia sekiranya memiliki ilmu dan kemahiran.

Penulis ingin menegaskan pengisian jurang kemahiran akan diatasi dengan pengendalian program TVET. Pelaksanaan program TVET juga akan menyebabkan kerjasama dengan rakan industri akan terus diperkasakan sebagaimana peranan dimainkan Pusat Pembangunan Kemahiran Teknikal Negeri Selangor (STDC).

Silibus TVET mestilah disesuaikan dengan perkembangan terkini dan masa depan dalam dunia industri termasuk AI dan *Internet of Things* (IoT).

TVET boleh memupuk budaya inovasi dan keusahawanan. Pelajar digalakkan menggunakan kemahiran untuk me-

nyelesaikan masalah di industri. TVET juga dikenal pasti boleh menjadi platform pembelajaran sepanjang hayat dan menjadi pemangkin pembangunan ekonomi dan sosial.

Paling penting, TVET akan melahirkan tenaga mahir dan pakar profesional - faktor terpenting menarik pelaburan langsung asing (FDI), sekali gus meningkatkan produktiviti dan inovasi. Pekerja mahir keluaran TVET boleh mengurangkan kos kerana bertindak lebih cekap selain tidak melakukan kesilapan.

Penulis juga ingin mencadangkan Selangor agar berpaksikan sembilan teras utama teknologi IR 4.0 iaitu robot autonomi, simulasi dan realiti tambahan, penyepaduan mendatar dan menegak, IoT, keselamatan siber, pengkomputeran awan, pembuatan aditif, rantaian bekalan dan analitik data raya.

Selangor juga perlu sentiasa mencari modul latihan kemahiran TVET berkualiti dengan menerima pengiktirafan Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan panel pakar yang dilantik.

Kesimpulannya, keputusan Amirudin untuk mengangkat darjat TVET akan melonjakkan Selangor jauh meninggalkan negeri lain.

Kejayaan menguasai TVET akan menjadikan Selangor juara sektor teknologi.

* Dr Ir Muhidin Arifin ialah Ketua Pegawai Operasi Pusat Pembangunan Kemahiran Teknikal Selangor (STDC)

SULUH WAHYUOleh
Abdullah Bukhari
Abdul Rahim al-Hafiz

"NANTI jika saya mengamuk di jalan raya seperti manusia hilang akal, saya minta jasa baik awak ambil gambar atau video saya itu kemudian sebar dalam media sosial. Saya rela dimalukan demi pengajaran untuk orang lain!"

Manusia waras dan berakhlak pasti tidak akan sanggup menyebut dialog ini, apatah lagi meminta agar aib sendiri dicanang seluruh dunia. Jika semua Muslim yang tenggelam dalam 'dunia plastik' media sosial sedar tentang maruah orang lain seperti maruahnya sendiri, sudah pasti telefon pintar kita tidak lagi menjadi lubuk dosa tanpa sedar.

Masalahnya, sesetengah orang kita mazhabnya songsang. Buruk orang boleh disebar demi pengajaran, namun buruk sendiri disorok. Halal untuk orang, haram, bila terkena kepala sendiri.

Sikap ini bercanggah dengan kaedah 'sayang semua' diajar Nabi SAW melalui hadis bermaksud:

Tidak sempurna iman kamu sehinggalah kamu suka sesuatu kepada saudara kamu sama seperti apa yang kamu suka untuk diri kamu sendiri. (Sahih al-Bukhari & Muslim).

Sebut sahaja sebar aib, sudut pandang kita sebagai Muslim yang ada kiblat hidup dengan agama perlu dibuka luas agar dosa berkongsi aib tidak terpalit pada kita. Ada dua aib perlu diawasi:

PERTAMA: Sebar atau kongsi aib sendiri.

Fitrah manusia biasanya akan menutup buruk sendiri, namun ketagihan media sosial mampu merosakkan akal waras manusia. Demi sedikit pujian orang, ada yang ghairah berkongsi aurat sendiri dalam media sosial.

Tabiat ini sangat bahaya kerana anda tidak tahu siapa pemangsa dalam media sosial yang mungkin mengambil gambar dedah aurat anda untuk pelbagai manipulasi.

Tambahan pula segala teknologi moden melalui kecerdasan buatan (*artificial intelligence*) mampu melakukan pelbagai perkara luar biasa terhadap bahan kotor yang anda kongsi



UMAT Islam perlu berhati-hati menggunakan telefon pintar supaya tidak terlibat dalam membuka aib diri sendiri atau orang lain terutama dalam platform media sosial. - GAMBAR HIASAN

Buka aib itu haram

sehingga ia menjadi mimpi ngeri menghantui kita kemudian hari.

Nabi SAW pernah tersentak melihat seorang lelaki mandi bogel di tempat terbuka. Baginda lantas tegas menegur dengan sabdanya bermaksud:

Sesungguhnya Allah itu Maha Pemalu, lagi Maha menutup keburukan (hamba-Nya). Dia sukakan sifat malu dan menutup aib (pada hamba-Nya). Apabila kalian mandi, maka hendaklah dia berselindung (atau menutup auratnya). (Sunan Abu Daud, 3497)

Peristiwa teguran nabi boleh berhenti setakat itu sahaja kerana zaman itu belum ada alat khas untuk merakam aksi tidak senonoh tersebut. Bayangkan zaman ini? Semua yang dibuat boleh dirakam dan disimpan secara kekal.

Dengan itu, aib dan dosa dedah aurat itu juga boleh kekal lama.

Mohon dijauhkan Allah daripada ditimpa bencana dosa kekal sebegini.

Ada juga sesetengah pihak yang suka berkongsi sifat celupar, kasar, lucah, bodoh dan kurang bijak melalui media sosial dengan tujuan agar diri dilihat hebat atau melucukan. Pun begitu, sebaliknya pula yang berlaku. Kesannya dia dibenci, diperlekeh dan ditertawa ramai atas tindakan itu. Ini juga wajib dielakkan kerana maruah diri adalah mahkota yang perlu dijaga.

KEDUA: Sebar atau kongsi aib orang lain.

Banyak faktor mendorong sikap ini, antaranya keghairahan mencari buruk pihak yang berbeza haluan politik atau aliran pemikiran. Bahan buruk pihak lawan dianggap bonus yang mampu menjatuhkan mereka.

Biar mereka jatuh terperuk ke dalam lembah hina dan malu paling dalam.

Janganlah ghairah berkongsi aib orang kerana kita juga tidak sempurna.

Boleh jadi dosa itu akan terjungkir balik menimpa kita suatu hari nanti kerana hidup

ini bak roda.

Ia sebagaimana firman Allah bermaksud:

Dan demikian itulah keadaan hari-hari (dunia ini dengan peristiwa kemenangan atau kekalahan), kami gilirkan antara sesama manusia, (supaya menjadi pengajaran). (ali-'Imran: 140)

Nabi SAW juga memberi amaran keras tentang kitaran ini yang bermaksud: Sesiapa yang menutup aib saudara muslimnya, Allah akan menutup aibnya pada hari kiamat. Sesiapa yang mendedahkan aib saudara muslimnya, Allah akan mendedahkan aibnya sehingga dia akan terhina di rumahnya sendiri. (Sunan Ibn Majah, 2536).

Jika kita tak mahu diri diaib atau ditelanjangan di khalayak umum, usahlah galak berkongsi aib orang lain atas nama tazkirah atau konten media sosial.

Saya pernah singgah minum di sebuah restoran di Gombak, yang dihias dengan konsep klasik tahun 1970-80an.

Suasana restoran itu dipenuhi lagu klasik zaman itu.

Apa yang mengejutkan penulis, hiasan pada dinding restoran dipenuhi dengan gambar artis zaman itu yang rata-ratanya mendedahkan aurat, sedangkan kebanyakan artis wanita itu sudah berhijrah dan menutup aurat di usia tua mereka.

Ini antara satu contoh kongsi aib yang perlu dielak.

Penulis cuba menegur pemilik restoran tersebut tetapi keadaan tidak mengizinkan.

Kesimpulannya, aib orang haram dikongsi kerana ia termasuk dosa besar yang dilarang Nabi SAW sebagaimana hadis di atas.

Dalam dunia media sosial yang penuh mencabar sekarang, kita perlu melengkapkan diri dengan ilmu, iman dan takwa agar tidak terpalit dengan dosa murahan ini.

Banyak kelebihan menutup aib orang, antaranya Allah akan menjaga aib kita di dunia dan akhirat.

Sila hadam hadis ini agar kita mampu segera menekan brek apabila berasa mahu berkongsi aib orang yang masuk menderu dalam telefon pintar kita.

Nabi SAW menceritakan peristiwa akhirat yang bermaksud:

(Pada hari kiamat) Allah mendedahkan hamba-Nya yang beriman, lalu diarahmati dan ditutup aibnya. Allah berfirman (kepadanya):

"Adakah kamu tahu dosa itu dan ini?" Orang beriman itu berkata: Aku mengakui wahai Tuhanku." Setelah melihat dosanya, orang beriman ini berasa dirinya akan musnah (dalam malu). Allah berfirman: "Aku

sudah menutupnya (dari pengetahuan manusia) semasa di dunia (dahulu), dan Aku sudah mengampunkan dosa itu pada hari ini." Kemudian diberikan kepadanya rekod amalan baiknya. (Sahih al-Bukhari, 2261).

Marilah kita tutup aib orang dan amalkan doa ini agar kita sentiasa selamat dunia akhirat bermaksud:

Ya Allah! Tutuplah aibku, hilangkan ketakutanku, jagalah aku dari depan, belakang, kanan, kiri dan atasku. (Sunan Abu Daud, 4412 & Sunan Ibn Majah, 3861).

Penulis ialah Timbalan Pengarah Hal Ehwal Pelajar, Pusat Bahasa Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Rencana

**ZAINAL
ABIDIN
SANUSI**



KEBELAKANGAN ini semakin kuat kedengaran dan kerap saranan supaya tidak terlalu taasub dengan sistem *ranking* yang menentukan kedudukan sesebuah universiti.

Terkini pada 19 Oktober lalu, dalam Majlis Sambutan Ulang Tahun Ke-40, Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM), peringatan yang disampaikan oleh Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Mohamaed Khaled Nordin sendiri mengulangi perkara yang sama supaya universiti tidak terlalu taasub kepada sistem *ranking*.

Perbincangan tentang baik buruk penarafan universiti sudah lama berlaku malah sudah agak tepu sehinggalah Kumpulan Pakar Bebas di bawah Universiti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNU) mengeluarkan kenyataan yang keras bahawa *ranking* mengakibatkan kesan buruk yang menggugat misi dan aspirasi penubuhan sesebuah universiti terutama dalam aspek sumbangan dan peranan kepada masyarakat.

Dalam perdebatan ini, kumpulan yang menyokong *ranking* berpendirian bahawa penarafan ini perlu bagi memastikan universiti mencapai kualiti dan standard antarabangsa. Hal ini pastinya menjadikan universiti Malaysia tidak syok sendiri.

Di pihak yang menentang *ranking*, hujahnya adalah 'Tiada satu saiz yang sesuai untuk semua' kerana setiap universiti mempunyai misi dan aspirasi yang berbeza.

Ranking bagi mereka juga sudah tersasar jauh dari matlamat asal *ranking* tersebut, kerana sudah dimanipulasikan oleh pihak komersial yang menjadikan *ranking* sebagai satu model perniagaan.

Apa pun hujah kedua-dua pihak ini, yang pasti selepas universiti dilanda pandemik dan juga melihat parahnya krisis kemanusiaan di Gaza, yang mana peranan universiti kepada proses pembentukan nilai dan karakter graduan semakin banyak dipersoalkan.

Maka sudah tiba masanya untuk menamatkan polemik *ranking* ini dan terus memfokuskan kepada usaha

Tiba masa tamatkan polemik *ranking*



UNIVERSITI adalah institusi yang bertanggungjawab membentuk karakter dan nilai graduan sebagai agenda utamanya. - UTUSAN/ASWAD YAHYA

Kalau kita masih memerlukan orang luar untuk menentukan hala tuju kita, maka ada sesuatu yang tidak kena."

dan tindakan selanjutnya supaya ia tidak sekadar retorik.

Tindakan pertama yang boleh dilakukan adalah dengan membina dan melaksanakan secepat mungkin pendekatan baharu bagi menilai prestasi universiti.

Saranan dan laungan untuk menghentikan ketaasuban belum pasti akan mengubah keadaan kerana cengkaman *ranking* ke atas proses dalaman universiti sudah terlalu lama berjalan.

Selagi tiada alternatif, selagi itulah sistem yang ada akan terus menghantui perjalanan universiti. Pendekatan baharu yang dibina mesti bersifat menyeluruh dan *developmental*, bukan sekadar kuantitatif kerana universiti bukan seperti kilang yang menghasilkan produk.

Universiti adalah institusi yang bertanggungjawab

membentuk karakter dan nilai sebagai agenda utamanya. Universiti mempunyai peranan yang sangat-sangat besar dalam pembentukan sesebuah masyarakat dan tamadun, tidak hanya menjawab kepada keperluan industri atau pasaran kerja.

Berdasarkan peranan besar ini, proses penilaian yang sewajarnya adalah sistem yang dapat memastikan dan seterusnya menilai input, output, hasil dan impak yang menyumbang kepada proses pembentukan nilai dan karakter berdasarkan misi dan visi universiti tersebut. Inilah tujuan murni asal proses penilaian bagi memastikan kualiti dan standard.

KOMUNIVERSITI

Antara pengukuran yang mula mendapat perhatian adalah *U-Multirank*, *Australian Engagement and Impact Assessment*, *Towards a European Framework for Community Engagement of Higher Education*, *San Francisco Declaration on Research Assessment*, *Human Metric Initiative* dan beberapa lagi.

Kehadiran kumpulan alternatif ini berjaya membentuk satu gelombang baharu yang memberikan kesedaran pentingnya untuk keluar dari sistem *ranking* yang sedia ada kepada sistem penilaian yang lebih relevan.

Bagi Malaysia inilah ruang dan peluang terbaik untuk membawa perubahan kepada landskap universiti dengan membina pendekatan kita sendiri.

Malaysia, sebagai sebuah negara yang meletakkan matlamat pembangunan dan kesejahteraan masyarakat sebagai agenda penting negara, maka universiti mesti dinilai dengan berteraskan matlamat yang sama.

Bagi tujuan itu, parameter yang perlu ada mestilah memasukkan matlamat ini ke dalam ketiga-tiga fungsi utama universiti iaitu pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, penerbitan dan pemberdayaan komuniti yang perlu distrukturkan dengan jelas melalui input, output, hasil dan impak.

Sebagai memulakan tindakan menyediakan alternatif ini, sekumpulan penyelidik dari lima universiti awam di Malaysia sedang membina pendekatan berteraskan konsep komuniversiti (komuniti dan universiti).

Konsep komuniversiti yang menggagaskan hubungan simbiosis komuniti dan universiti ini akan berteraskan lima komponen iaitu kesatuan ilmu atau transdisiplinari, transformasi dan kepimpinan komuniti, kelestarian keusahawanan, penyelidikan dan inovasi bertanggungjawab,

kolaborasi dan pertukaran.

Kelima-lima komponen ini merangkumi keseluruhan peranan universiti yang mampu mengorientasikan seluruh fungsi universiti supaya lebih relevan dengan komuniti dan peranan universiti secara keseluruhannya.

Tindakan kedua yang perlu dilakukan bagi merungkai ketaasuban terhadap *ranking* ini adalah mengenal pasti rangkaian kesan negatifnya ke atas urus tadbir dan operasi universiti terhadap ketiga-tiga kumpulan - akademik, pentadbir dan pelajar.

Di peringkat kakitangan akademik misalnya, akibat dari mengejar *ranking*, pensyarah perlu mengejar penerbitan di jurnal peringkat tertentu.

Tekanan ini memberi ruang kepada amalan yang amat tidak sihat di mana pensyarah sanggup membayar demi untuk mendapatkan penerbitan di jurnal yang diragui kualitinya bagi melunaskan syarat-syarat kenaikan pangkat misalnya.

Di peringkat pentadbir pula, *ranking* mengakibatkan banyak proses perlu diperhambatkan dan bersifat jangka pendek kerana permintaan untuk memberikan data perlu diperbaharui setiap tahun. Kualiti dan impak bukan lagi menjadi keutamaan.

Pelajar pula yang paling malang kerana universiti di *ranking* tinggi tidak menjamin kualiti pengajaran yang sama tinggi kerana terdapat pensyarah yang memilih atau terpaksa memberi lebih tumpuan kepada melakukan penyelidikan atau menulis artikel untuk jurnal.

Sebagai kesimpulannya, tidak salah kalau status kedudukan ini adalah *by-product* hasil kecemerlangan sesebuah universiti tetapi apabila mengejar kedudukan *ranking* menjadi tujuan utama, akibat buruknya universiti akan tersasar jauh dari tujuan kewujudannya.

Proses audit dan pelbagai proses penilaian yang sedia ada seharusnya sudah cukup untuk memastikan kecemerlangan setiap universiti. Kalau kita masih memerlukan orang luar untuk menentukan hala tuju kita, maka ada sesuatu yang tidak kena pada perjalanan universiti kita.

PROFESOR Dr. Zainal Abidin Sanusi ialah Pengarah Pusat Sejahtera Untuk Kelestarian dan Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON
TAJUK: TIADA KEPERLUAN JAWATANKUASA PANTAU SOKONGAN POLITIK
PENJAWAT AWAM

SUMBER: BERITA HARIAN MUKA SURAT : 09

TARIKH : 28/11/2023

Tiada keperluan jawatankuasa pantau sokongan politik penjawat awam

Kuala Lumpur: Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) menolak cadangan menubuhkan jawatankuasa pemerhati bagi memantau kecenderungan politik penjawat awam dan menyifatkan ia merugikan sumber semasa perkhidmatan awam.

Presiden CUEPACS, Datuk Adnan Mat, menegaskan setiap penjawat awam kekal profesional dalam menjadi tulang belakang kepada pentadbiran kerajaan dan negara.

Oleh itu, katanya, sudah pasti setiap penjawat awam mempunyai ideologi dan pandangan politik masing-masing.

"CUEPACS memberi jaminan mereka sangat profesional dan sentiasa berkecuali dalam melaksanakan tanggungjawab, selain boleh membezakan kepentingan awam yang dipikul.

"Sebagai seorang penjawat awam, mereka sudah berikrar untuk menyatakan taat setia sepanjang perkhidmatan kepada kerajaan sedia ada.

"Bagaimanapun dalam konteks demokrasi, penjawat awam berhak mempunyai pandangan



Penjawat awam kekal profesional dalam menjadi tulang belakang kepada pentadbiran kerajaan dan negara.

(Foto hiasan)

SELA 28/11/23 me 9 2/1#
mereka sendiri tanpa paksaan, termasuk ketika mengundi pada pilihan raya," katanya menerusi kenyataan, semalam.

Adnan berkata, tiada keperluan dan kewajaran untuk kerajaan menubuhkan jawatankuasa daripada mana-mana kementerian bagi meninjau kecenderungan politik penjawat awam.

"CUEPACS ingin bertanya kepada pihak yang melontarkan idea ini, adakah pengundi di ne-

gara ini penjawat awam sahaja sehingga menjadikan kami sebagai perhatian.

"Dahulu pun penjawat awam pernah dilabel mengundi pembangkang sehingga pembangkang itu telah menjadi kerajaan pada hari ini.

"Jadi, apabila sudah menjadi kerajaan, sewajarnya pihak yang diberi amanah itu fokus untuk melaksanakan kerja pada rakyat dan bukannya mencari kesalahan penjawat awam," katanya.

Beliau berkata, tidak adil sekiranya keseluruhan penjawat awam disasarkan hanya semata-mata memiliki kecenderungan politik yang berbeza.

Ini kerana katanya, daripada sudut penjawat awam, sememangnya harus mendokong aspirasi kerajaan yang memerintah, namun sebagai individu, penjawat awam juga ada pilihan apabila tiba masanya untuk memilih.

"Langkah yang dicadang-

CUEPACS ingin bertanya kepada pihak yang melontarkan idea ini, adakah pengundi di negara ini penjawat awam sahaja sehingga menjadikan kami sebagai perhatian

Adnan Mat,
Presiden
CUEPACS



kan ini juga sebenarnya hanya merugikan negara kerana lebih banyak perkara yang perlu dilakukan kerajaan selain memantau kecenderungan politik penjawat awam.

"Apatah lagi penubuhan jawatankuasa ini menggunakan sumber sedia ada kerajaan dan perkhidmatan awam.

"Usaha ini sepatutnya ditumpukan sahaja bagi perkara yang benar-benar penting seperti meningkatkan kos taraf hidup rakyat atau apa sahaja perkara yang memberikan kebaikan kepada negara," katanya.

Kes gagal hadir bertugas 49 hari

'Hukuman dibuang kerja adalah wajar'

Mahkamah tolak semakan kehakiman, tidak campur tangan keputusan Lembaga Tatatertib

Oleh Faris Fuad
faris.fuad@bh.com

Kuala Lumpur: Mahkamah Tinggi Temerloh memutuskan tidak wajar untuk campur tangan atau mengubah hukuman buang kerja oleh Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam Pahang terhadap seorang penjawat awam.

Lembaga itu membuat keputusan berkenaan terhadap Suhai

Fandi Ramli, 46, selepas didapati bersalah tidak hadir bertugas tanpa cuti, kebenaran dan sebab munasabah selama 49 hari serta tidak mengimbas jari perakam waktu keluar dan masuk kerja sebanyak 13 kali, antara Januari hingga April 2022.

Hakim Roslan Mat Nor, berkata pihaknya berpendapat hukuman dijatuhkan lembaga terbabit dalam bidang kuasa mereka atas pertimbangan yang wajar serta munasabah.

Sehubungan itu, katanya, semakan kehakiman berhubung keputusan dibuang kerja dikesampingkan. Suhai Fandi ditolak.

"Disiplin seorang pegawai perkhidmatan awam sesuatu yang perlu sentiasa diutamakan.

"Sebarang masalah yang dihadapi oleh penjawat awam seharusnya diselesaikan olehnya melalui mekanisma yang ada dalam sistem pengurusan sumber manusia.

"Ini sama ada mendapatkan rawatan perubatan atau menjalani sesi kaunseling yang bersesuaian.

"Apa yang jelas ialah sebarang ketidakcekapan dan kurangnya disiplin oleh pegawai awam boleh menjejaskan perkhidmatan kepada rakyat yang perlu dipastikan tidak berlaku," katanya pada Jumaat lalu.

Tindakan setimpal

Keputusan buang kerja itu dimaklumkan pada 11 November 2022 sebelum Suhai Fandi membuat rayuan pada 20 Disember tahun sama, kepada Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam yang kemudian menolak rayuan lelaki terbabit.

Menerusi rayuannya, Suhai Fandi menyatakan ketidakadilan bertugas akibat masalah kesihatan, iaitu kemurungan.

Hakim itu berkata, tindakan lembaga terbabit terhadap Suhai

Sebarang masalah yang dihadapi oleh penjawat awam seharusnya diselesaikan olehnya melalui mekanisma yang ada dalam sistem pengurusan sumber manusia

Roslan Mat Nor,
Hakim



Fandi boleh dikatakan setimpal atau berpatutan.

"Ini ia berbeza jika terdapat keterangan yang menunjukkan pemohon (Suhai Fandi) menggunakan mekanisma dalam perkhidmatan awam bagi mengatasi masalah kesihatan dan tekanan perasaan dihadapinya.

"Ia jika tidak diambil tindakan sewajarnya oleh responden (lembaga berkenaan) sehingga mengemuka pertuduhan kepada pemohon yang berakhir dengan pembuangan kerja. Ini tidak berlaku dalam kes ini," katanya.